

DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEDUABELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA

Bil. 8

Selasa

15 Julai 2008

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH	(Halaman 1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:	
- Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru	(Halaman 1)
- Memperkenankan Akta-akta	(Halaman 2)
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 2)
- Urusan Mesyuarat	(Halaman 3)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 3)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 2008	(Halaman 32)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 41)
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 15(3)	(Halaman 43)
UCAPAN PENANGGUHAN:	
Memartabatkan Pusat Asasi UIAM – <i>Puan Hajah Mumtaz Md. Nawî</i>	(Halaman 43)

14 JULAI 2008

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahaim (Kelantan)
8. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik)
– *Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi*
9. “ Datuk Amirsham A. Aziz (Dilantik)
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
10. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
11. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
12. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
13. “ Datuk Chandrasekar Suppiah (Dilantik)
14. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
15. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
16. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
17. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
18. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
19. “ Tuan Ir. Hiang A Li (Pahang)
20. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
21. “ Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)
22. “ Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh (Dilantik)
23. “ Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin (Dilantik)
24. “ Dato' Kamarudin bin Ambok (Dilantik)
25. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
26. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik)
27. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
28. “ Dato' Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL)
29. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
30. “ Tuan Maijol bin Mahap (Sabah)
31. “ Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik)
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

32. “ Dato’ Maznah binti Mazlan (Dilantik)
– *Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar*
33. “ Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
34. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
35. “ Tan Sri Dato’ Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)
– *Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah*
36. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
37. “ Tuan Murugiah a/l Thopasamy (Dilantik)
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
38. “ Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
39. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie (Terengganu)
40. “ Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
41. “ Dato’ Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
42. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
43. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
44. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
45. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
46. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
47. “ Dato’ Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
48. “ Dato’ Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
49. “ Tuan Haji Shamsudin bin Mehat (Dilantik)
50. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato’ Syed Zain (Dilantik)
51. “ Datuk Sim Kheng Hui (Dilantik)
52. “ Dato’ Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin (Pahang)
53. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis)
54. “ Datuk Soon Tian Szu (Melaka)
55. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
56. “ Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (Dilantik)
57. “ Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram (Dilantik)
58. “ Dato’ Dr. Vijyaratnam a/l S. Seevaratnam (Dilantik)
59. “ Dato’ Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)
– *Timbalan Menteri Dalam Negeri*
60. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor (Dilantik)
61. “ Dato’ Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
62. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
63. “ Dato’ Wong Siong Hwee (Dilantik)
64. “ Yang Berhormat Dato’ Yip Kum Fook (Selangor)
65. “ Datuk Zaid bin Ibrahim (Dilantik)
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

66. “ Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

DEWAN NEGARA

Setiausaha Dewan Negara
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Ikmalrudin bin Ishak

PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak
Hajah Kamisah binti Sayuti
Sarimah binti Haji Amran
Hadzirah binti Ibrahim
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Ainul Wahidah binti Ismail @ Fahkri
Nur Hidayah binti Janudin
Nooruanizam binti Nasir
Siti Azalia binti Ahmad Tarmazi
Sukmawati binti Abdul Rahman

Siti Khadijah binti Md Nor
Hafizah binti Abu Samah

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa 15 Julai 2008

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar;
- Yang Berhormat Tan Sri Datuk Tee Hock Seng;
- Yang Berhormat Datuk Chandrasekar Suppiah;
- Yang Berhormat Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram;
- Yang Berhormat Dato Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim; dan
- Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop

■1010

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar; Yang Berhormat Tan Sri Datuk Tee Hock Seng; Yang Berhormat Datuk Chandrasekar Suppiah; Yang Berhormat Puan Usha Nandini a/p S. Jayaram; Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim; dan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop, sebagai Ahli-ahli Dewan Negara.

Tanggungjawab yang Yang Berhormat-Yang Berhormat telah terima ialah untuk dengan jujur memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaan sebagai Ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Ini adalah yang sewajarnya kerana ianya merupakan titik tolak *rule of law* bagi negara, masyarakat dan rakyat jelata. Hanya melalui dukungan *rule of law*, kita bersama terhadap keluhuran undang-undang sistem berdemokrasi berparlimen negara akan dapat menjamin keutuhan kejayaan dan kecemerlangan Malaysia. Saya berdoa semoga Yang Berhormat berjaya mendukung tugas tersebut sebagai Ahli-ahli Dewan yang mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kini selesailah majlis mengangkat sumpah pada hari ini. Berikut saya ingin dengan hormatnya mengalu-alukan Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri-menteri dan timbalan-timbalan menteri yang bukan Ahli Dewan Negara dalam Dewan yang mulia ini.... [*Tepuk*]

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (2007) 2008;
2. Akta Pencen (Pindaan) 2008; dan
3. Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2008.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"25 Jun 2008

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 2008;

Yang Ikhlas,

t.t.

Tan Sri Pandikar Amin Haji Mulia

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT"

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Chiw Tiang Chai** minta Perdana Menteri menyatakan, mengapakah seseorang pegawai kerajaan yang mendapat ijazah pertama ataupun kelulusan yang lain semasa bertugas harus melalui proses perjawatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk pengambilan kakitangan baru walaupun kerajaan jelas mempromosi pembelajaran sepanjang hayat untuk memperkasakan perkhidmatan awam negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]: Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ataupun SPA adalah satu badan bebas yang mengamalkan persaingan terbuka bagi calon-calon sama ada pegawai sedang berkhidmat ataupun lantikan terus. Setiap kekosongan jawatan akan dilaksanakan mengikut keperluan kementerian ataupun jabatan berpandukan Skim Perkhidmatan Jawatan yang berkenaan.

Untuk pegawai sedang berkhidmat, proses pengambilan untuk lantikan untuk ke jawatan yang lebih tinggi hendaklah melalui proses pengambilan biasa di mana mereka perlu bersaing dengan calon-calon lantikan terus bagi memastikan prinsip persaingan terbuka terlaksana iaitu *open competition*. Pada masa yang sama, SPA perlu menyemak kelayakan yang dimiliki oleh calon-calon supaya pelantikan berkenaan mengikut skim perkhidmatan dan bidang yang diperlukan oleh kementerian ataupun jabatan dan bukan berdasarkan kepada kelayakan ijazah semata-mata.

Calon akan dinilai semasa temu duga secara menyeluruh termasuklah pengetahuan berkenaan jawatan dan kesesuaian calon dengan jawatan yang dipohon. Walau bagaimanapun, calon kenaikan pangkat secara lantikan akan melalui proses tapisan yang lebih longgar berbanding calon lantikan terus dengan syarat mereka mempunyai kelayakan asas mengikut skim perkhidmatan jawatan yang berkenaan.

Secara keseluruhannya SPA cuba memastikan calon-calon diberi pertimbangan sewajarnya tidak mengira calon pegawai sedang berkhidmat atau lantikan terus bagi memberi peluang yang adil dan saksama kepada semua golongan.

■ 1020

Tuan Chiw Tiang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri sendiri yang menjawab. Pada awal tahun ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak ada berkata, kakitangan awam yang

berkhidmat di dalam perkhidmatan teknikal, perguruan, polis dan tentera kini boleh menyertai Pegawai Tadbir dan Diplomatik atau PTD, menerusi skim kemasukan pelbagai peringkat yang diperkenalkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam iaitu SPA.

Soalan tambahan saya ialah adakah jumlah tahun perkhidmatan seseorang kakitangan awam akan diambil masuk semasa permohonan untuk menyertai Pegawai Tadbir dan Diplomatik, PTD supaya kakitangan tersebut tidak rugi dari segi tahun perkhidmatan, kenaikan pangkat dan juga kenaikan gaji? Terima kasih.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, secara prinsip pengambilan untuk memasuki perkhidmatan Kerajaan Persekutuan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang diamalkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Jadi, baru-baru ini kerajaan telah mengambil keputusan untuk memberi kelonggaran kepada mereka yang diambil dari pegawai yang sedang berkhidmat dan ini tidaklah bermakna mereka yang dipilih daripada pegawai yang berkhidmat, mereka akan tidak rugi dari segi perkhidmatan mereka sebab senioriti mereka itu akan diambil kira apabila mereka dilantik ke dalam PTD ataupun jawatan-jawatan yang lain.

Prinsip ini telah diamalkan juga dalam pelantikan pegawai-pegawai dari negeri Sabah misalnya yang sekarang ini masih dalam perkhidmatan kerajaan negeri dan ingin untuk berpindah kepada Perkhidmatan Persekutuan. Jadi, mereka tidak kehilangan senioriti mereka apabila dilantik dengan jawatan yang baru.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Hajah Saripah Aminah, Datuk Abdul Rahman bin Bakar.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kerajaan akan melaksanakan automatik proses perjawatan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sebagai efektif *one-stop-centre* sebaik sahaja Ijazah Pertama dikemaskinikan tanpa melalui proses perjawatan semula dan apakah pihak kementerian akan memastikan tempoh pengalaman bekerja diutamakan untuk kenaikan pangkat?

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini adalah satu suruhanjaya yang melantik pegawai-pegawai yang perlu berkhidmat dalam jabatan kerajaan di mana pelantikannya melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Kadangkala kita melantik pegawai-pegawai yang akan bertugas sebagai pasukan polis, guru-guru dan sebagainya dan mereka ini adalah melalui suruhanjaya masing-masing.

Jadi untuk mereka yang dilantik ke dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, kerana untuk tatatertib, kerana untuk menerusi apa yang telah ditetapkan dalam garis panduan kerajaan. Akan tetapi pada dasarnya, mereka ini yang dapat pelantikan dalam Jabatan Perkhidmatan Awam ini memanglah tidak kehilangan apa yang dinikmati mereka dalam jawatan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Abdul Rahman bin Bakar. Saya minta maaf, Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin. Saya dibolehkan memberi peluang kepada hanya tiga pertanyaan tambahan. Datuk Abdul Rahman bin Bakar.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Didapati ramai pemegang-pemegang ijazah kelas pertama, kedua ataupun yang setaraf dengannya yang berhasrat bekerja melalui proses perjawatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tetapi gagal, walaupun mereka layak.

Saya ingin bertanya, apakah pihak kerajaan mempunyai pelan tindakan bagi memastikan mereka yang betul-betul berminat dan layak ini, dapat diterima untuk bekerja? Apakah kita mempunyai perancangan ataupun pelan tindakan selanjutnya?

Yang kedua, kita dapati ramai pegawai PTD yang mengambil tempat kerja-kerja di kementerian-kementerian yang lain seperti di Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan dan kementerian-kementerian yang lain. Ini sekali gus membantut peluang-peluang kepada yang seharus dan sebenarnya. PTD sepatutnya bekerja dengan PTD, tetapi kenapa diambil tempat yang lain? Apakah pihak kerajaan sedar perkara ini dan bagaimana untuk menyelesaikan permasalahan yang agak serius ini? Terima kasih.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan tambahan yang pertama itu, saya kembali kepada jawapan awal saya tadi itu iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini adalah satu badan yang bebas dan pemilihan mereka untuk calon-calon yang diambil untuk Perkhidmatan Awam adalah tertakluk kepada temu duga dan sebagainya di mana Suruhanjaya Perkhidmatan Awam akan melihat kebolehan pegawai itu bukan sahaja dari segi kelayakan akademik tetapi juga dalam segi-segi lain yang bersesuaian dalam perkhidmatan dan sebagainya. Mereka yang gagal dalam temu duga ini bolehlah merayu kepada Suruhanjaya dan kerajaan akan mengambil kira apakah masalah dihadapi oleh mereka di dalam temu duga itu?

Untuk menjawab soalan tambahan yang kedua itu, kelonggaran yang diberikan oleh kerajaan tentang pegawai-pegawai yang ingin bertukar, berpindah kepada perkhidmatan yang lain, adalah satu amalan yang digalakkan supaya kita mendapat pekerja-pekerja ataupun pegawai-pegawai di kementerian ini yang terbaik sekali. Ini supaya perkhidmatan awam ini menjadi satu perkhidmatan yang *first class* dan akan menyampaikan hasrat kerajaan untuk memiliki satu jentera kerajaan iaitu satu *delivery system* yang terbaik supaya apa yang dirancang oleh kerajaan ini dapat diteruskan dan rakyat akan dapat menikmati hasrat kerajaan untuk menaikkan taraf hidup rakyat negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

2. Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, adakah kerajaan bercadang untuk terus membangunkan sektor tanaman tembakau atau kerajaan akan mengalihkan sektor ini untuk tanaman alternatif lain. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk menstrukturkan semula sektor ini.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk terus membangunkan sektor tanaman tembakau secara besar-besaran berikutan langkah kerajaan untuk mengawal industri tembakau dan rokok serta komitmen kerajaan kepada *Framework Convention on Tobacco Control*, dengan izin, FCTC.

Namun demikian, tanaman tembakau sedia ada akan terus diberi perhatian sehingga satu tanaman alternatif yang setanding ditemui. Dalam usaha mencari tanaman alternatif ini, kementerian saya telah mengenal pasti tanaman kenaf sebagai salah satu tanaman baru yang boleh dijadikan tanaman alternatif di kawasan-kawasan tembakau.

Tanaman kenaf mempunyai potensi untuk memajukan sebagai, untuk dimajukan, minta maaf, sebagai tanaman industri disebabkan oleh kepelbagaian kegunaan seperti menghasilkan gantian semula jadi bio komposit pulpa dan kertas, tekstil dan makanan ternakan.

Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian saya untuk menstrukturkan atau menstrukturkan semula industri tembakau adalah seperti berikut:

- (i) mengecil bilangan penanam tembakau dari 11,000 keluarga kepada 5,000 keluarga;
- (ii) melaksanakan sistem pengeluaran baru iaitu sistem penanaman pengawet individu atau PPI, di mana pengawet akan menanam dan mengawet sendiri tembakau yang dihasilkan supaya terdapat penambahan nilai melalui proses pengawetan; dan
- (iii) mempelbagaikan pendapatan penanam tembakau melalui tanaman integrasi dan ternakan secara berkelompok.

Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Profesor Datuk Dr. Ismail, kemudian Dato' Hajah Samsiah, kemudian Datin Paduka Datuk Norhayati.

■1030

Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun ada disebut tadi bahawa salah satu objektif industri tembakau ini ialah untuk mengurangkan pesertaan peladang dalam bidang ini. Namun kita dapati bahawa signal yang diberikan kepada pasaran adalah bercanggah misalnya sebelum kita mengadakan pilihan raya baru-baru ini kerajaan telah beri elaun tambahan kepada industri tembakau ataupun peserta-pesertanya. Jadi ini tidak selari dengan matlamat kita so boleh saya dapat penjelasan tentang hal ini?

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat yang khusus. Yang Berhormat, pertanyaan Yang Berhormat yang khusus apa dia?

Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh: Yang khusus ialah saya hendak tahu sama ada insentif yang kita berikan untuk industri tembakau ini tidak bercanggah dengan objektif kita untuk mengurangkan pesertaan dalam industri ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang apa yang ditanyakan itu sangat relevan juga. Saya ingin memaklumkan bahawa apa yang kita buat sebelum pilihan raya yang lepas ialah untuk menunaikan insentif yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebenarnya ini bayaran yang kita sudah sediakan dalam satu pelan penstrukturan industri tembakau. Pada masa itu pihak kerajaan menetapkan bahawa untuk mengalihkan penanam-penanam ini kepada industri-industri yang lain keluarga-keluarga yang terlibat, yang terpinggir dalam industri tembakau itu perlu diberi pertolongan.

Ini maksud kita membayarkan bayaran itu adalah bukan untuk supaya penerima-penerima tersebut diteruskan dalam industri. Sebenarnya mereka sudah henti dalam industri ini dan sebab itu mereka kenalah mengalihkan kepada tanaman yang lain seperti yang saya sebut tadi. Sama ada kenaf atau lain-lain tanaman untuk cari makanlah. Sebab itulah kita atas layanan mereka kita telah memberikan pertolongan kepada keluarga-keluarga yang terpinggir itu.

Kepada penanam yang masih dianggapkan sebagai produktif dan boleh bersaing dalam industri mereka tidak layak untuk menerima kerana mereka sudah dapat pendapatan dan melalui industri tersebut. Saya anggaplah itu tidak ada percanggahan hanya kita memberikan satu pertolongan kepada keluarga-keluarga yang terpinggir dalam industri.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah setelah kementerian sedar bahawa harga kenaf di pasaran sangat rendah berbanding tembakau apakah kementerian masih mahu meneruskan penanaman ini? Apakah kementerian tidak mempunyai kemahiran atau pakar penyelidik dalam mengenal pasti tumbuhan yang boleh ditanam menggantikan tembakau yang kegunaannya serba guna dan harga di pasaran juga tinggi. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan ini juga baik dan saya boleh ambil peluang inilah untuk menjelaskan kalau Tuan Yang di-Pertua benarkan. Saya ada angka-angka sedikit saya hendak memaklumkan kepada Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Perbandingan kenaf dengan tanaman tembakau seumpamanya atau padi, jagung, keledak, ubi kayu, tembikai dan lain-lain lagi. Saya ingin memaklumkan bahawa kalau kita hanya melihat dari sudut pendapatan memang saya setuju bahawa kalau secara kecil-kecilan kenaf ini tidak boleh bersaing dengan tembakau. Akan tetapi kita ingin tahu juga bahawa tembakau ini satu industri yang diberikan pertolongan secara khusus daripada pengilang melalui harga yang mereka beli daun sekilo itu. Apa yang akan berlaku ialah apabila AFTA dilaksanakan di dalam negara kita ini iaitu 2010 harga daun tembakau ini akan

terus mengikut harga pasaran ASEAN iaitu pasaran dunia dan seumpamanya. Sebab itu harga daun-daun daripada Indonesia seumpamanya, Ireland, Filipina daun-daun ini boleh diimport kepada negara kita.

Oleh sebab itu kita kenalah bersaing dengan harga yang import itu sebab kos yang terlibat di negara tersebut iaitu Indonesia, Thailand dan Filipina agak rendah, sangat rendah kalau banding dengan kos kita ini di Malaysia ini. Maka dalam masa itu kita punya daun tidak lakulah kalau kita hendak tumpukan kepada pendapatan yang kita dapatkan sekarang. Itulah satu kekhawatiran yang kita sangat-sangat ambil perhatian, satu perkara yang kita kenalah mengadakan satu penyelesaian. Kalau tidak siapa yang menanam tembakau di dalam negara ini daunnya tidak boleh bersaing dengan daun-daun yang kita import dan akhirnya mereka akan rugi. Jika rugi mereka akan carilah kerajaan untuk menolong dan sebagainya.

Lebih elok kita ada langkah yang lebih awal lagi untuk menyediakan mereka supaya mereka boleh bersaing apabila sampai tahun 2010 nanti. Itulah masalah. Untuk angka Yang Berhormat perbandingan dengan harga sekarang bukan 2010. Saya hendak sebut pulangan yang bersih dan kalau kita tambah sedikit untuk gaji sebab sekarang kebanyakan gaji adalah dalam keluarga masing-masing peserta keluarga masing-masing. Kalau begitu kita dapatlah RM10,799 bagi sehektar tetapi banding dengan kenaf hanya dapat RM3,100 jauh dia punya perbezaan.

Namun begitu, Yang Berhormat bagi tanaman kenaf ini kita kena lihat dia sebagai satu tanaman yang masih baru dan tidak banyak industri yang wujud lagi dalam negara. Apa yang kita kena buat pada masa ini ialah kita kena wujud banyak kilang lagi yang ingin membeli kenaf ini daripada si petani. Dan kalau kita mempunyai banyak *demand* Tuan Yang di-Pertua, kalau *demand* itu sudah naik saya rasalah saya yakin harga kenaf itu satu kilo atau 100 kilo itu akan naik juga.

■1040

Sebab itu, saya rasa usaha kita adalah bertambah sekarang, berkali-kali ganda supaya kita dapat diwujudkan satu industri yang *robust*, dengan izin, bagi kenaf ini di dalam negara. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Senator Datin Paduka Nor Hayati.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya bersama dengan Yang Berhormat Kamsiah tetapi saya cuba ubah sikit. Berapa lama lagi agaknya kerajaan ambil masa untuk mengenal pasti tanaman alternatif ini kepada tanaman tembakau dan berapakah peratus penanaman tembakau di negara ini berbanding dengan dua tanaman utama seperti pokok getah dan kelapa sawit? Nyatakan jumlah dalam ringgit sumbangan tembakau dalam GDP negara ini bagi sektor perladangan? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kerana terlalu banyak angka yang diperlukan ini, Yang Berhormat Menteri boleh mohon notis.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Kalau dapat Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya hendak juga sebut di sinilah, tanah *bris* yang kita gunakan untuk tembakau itu tidak sesuai untuk banyak tanaman Yang Berhormat Senator. Kalau kita hendak tanam getah tak boleh. Kalau kita hendak tanam kelapa sawit pun tak boleh. Kita hanya boleh tanam seperti keledak, jagung yang tidak memerlukan masa yang panjang tetapi kita kena input yang banyak. Input pertanian ini adalah satu kos yang agak tinggi sekarang. Itu satu masalah yang kita sekarang kenalah atasi supaya kita boleh gunakan tanah *bris* ini untuk cara-cara yang kita inginkan iaitu untuk penanaman kenaf.

Untuk angka itu saya akan bekalkan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mohon notis. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Senator Dato' Azian bin Osman.

3. Dato' Azian bin Osman minta Perdana Menteri menyatakan tindakan yang akan diambil oleh Kementerian terbabit berhubung isu subsidi:

- (a) apakah had jumlah sebenar subsidi negara berdasarkan situasi sekarang; dan
- (b) pilihan alternatif kepada subsidi yang dapat menjamin kesejahteraan rakyat tidak kira yang miskin mahupun yang kaya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Amirsham A. Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi menjawab bahagian,

- (a) Soalan tersebut, kerajaan sentiasa memantau perbelanjaan subsidi agar tidak keterlaluan sehingga menjejaskan kewangan kerajaan secara keseluruhannya atau menjejaskan perbelanjaan untuk tujuan yang lebih produktif.
Dari tahun ke tahun, perbelanjaan ke atas subsidi terus meningkat. Umpamanya pada 2006, perbelanjaan ke atas subsidi adalah sebanyak RM12.1 bilion dan meningkat kepada RM15 bilion pada 2007. Bagi subsidi minyak pula, kerajaan membelanjakan RM8.8 bilion bagi 2007 berbanding RM7.3 bilion pada 2006. Peningkatan subsidi ini menyebabkan kerajaan mengambil langkah menstrukturkan semula harga minyak bagi menangani perbelanjaan ke atas subsidi daripada terus meningkat tinggi. Peruntukan yang lebih berhikmah kepada perkara atau sektor lain sentiasa diambil kira kerana ia akan memberi lebih manfaat dan pulangan kepada rakyat serta negara.

Tambahan lagi, kawalan harga minyak melalui pemberian subsidi bukannya jalan terbaik untuk membantu golongan sasaran kerana golongan lain juga turut mendapat faedah melalui kegiatan seperti penyeludupan diesel bersubsidi ke luar negeri dan menyebabkan penggunaan sumber yang tidak cekap.

Bagi menjawab bahagian,

- (b) Soalan Ahli Yang Berhormat, selain pelbagai pemberian subsidi yang diberikan kepada rakyat, terdapat banyak pilihan alternatif yang dilaksanakan kerajaan demi menjamin kesejahteraan rakyat tanpa mengambil kira miskin ataupun kaya. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai projek dan program bagi meningkatkan pendapatan rakyat. Kerajaan dalam rancangan-rancangan yang memberi penekanan ke atas pertumbuhan ekonomi yang secara langsung dan tidak langsung dapat menjana peluang pekerjaan baru untuk rakyat.

Peluang pekerjaan disediakan di pelbagai sektor bagi meningkatkan lagi kuasa beli rakyat. Di samping itu, pelaburan turut ditekankan kepada pembangunan modal insan dan yang merupakan pelaburan jangka panjang dan memberikan pulangan baik kepada rakyat serta negara dalam bentuk pelajaran dan kemahiran yang akan dapat menghasilkan pendapatan di masa hadapan untuk individu berkenaan.

Usaha ini memberikan manfaat lebih besar jika ia dibandingkan dengan pemberian bantuan langsung dalam bentuk subsidi minyak dan diesel yang berlebihan. Di samping itu, projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan meliputi projek dalam penyediaan infrastruktur yang lebih baik kepada rakyat seperti jalan raya, jalan luar bandar dan jalan kampung yang dapat menghubungkan serta mengembangkan aktiviti ekonomi dalam negara. Secara tidak langsung juga, pelaksanaan projek infrastruktur dapat menjamin kesejahteraan dan meningkatkan tahap serta kemampuan kualiti hidup rakyat secara keseluruhannya.

Pada masa yang sama, kerajaan juga melaksanakan dasar perbelanjaan berhikmah dengan memastikan perbelanjaan dengan izin, *value for money*, mengelak pembaziran dan memastikan perbelanjaan untuk tujuan yang produktif.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya...

Tuan Yang di-Pertua: Selepas itu Dato' Haji Ahmad Rusli.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: ...Kesan kenaikan harga minyak ini mempunyai tiga kesan yang jelas. Yang pertama, kesan kepada pengilang. Apabila harga minyak naik, pengilang akan menaikkan harga bahannya yang diedarkan kepada pengedar dan pengedar pula akan menaikkan harga barang itu kerana kesan kenaikan harga minyak untuk barangannya dibeli oleh rakyat di mana rakyat mempunyai kesan yang ketiga. Rakyat terpaksa menerima kesan ini sebanyak dua kali.

Yang pertamanya, kenaikan harga barang oleh kerana kenaikan harga minyak. Yang keduanya ialah kenaikan harga minyak secara langsung yang terpaksa rakyat bayar di pam-pam minyak. Jadi, soalan saya, apakah kerajaan tidak bercadang untuk mengambil satu langkah supaya subsidi ini boleh diberikan secara langsung kepada rakyat khususnya yang berpendapatan rendah.

Soalan saya yang kedua ialah berapakah peratus subsidi yang sebenarnya diberikan kepada rakyat daripada pendapatan negara ataupun KDNK? Terima kasih.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kerajaan sedar yang kenaikan harga minyak ini akan menyebabkan kenaikan harga barang melalui pengilang dan pengedar menaikkan harga. Jadi sebab itulah kita ada juga *social safety net* dengan izin untuk dapat rakyat tidak terbeban dengan kenaikan harga. *Social safety net* ini termasuklah juga kawalan harga kepada barang-barang keperluan seperti barang makanan. Kerajaan telah dan mahu pun membuat kawalan harga ke beberapa barang yang dapat membantu rakyat daripada dibebankan oleh kenaikan harga ini.

Untuk jangka masa panjang seperti yang saya beritahu tadi, kita dapat menjanakan ekonomi dan dapat menjanakan pendapatan dan dapat meningkatkan pendapatan dan dengan izin, *purchasing power* rakyat supaya dapat dengan jangka masa panjang menghadapi kenaikan harga. Kenaikan harga ini ialah kenaikan harga yang fenomena dunia jadi, kita akan terus tertekan dengan harga minyak yang terus melambung dan harga makanan yang terus meningkat. Dari segi pecahan subsidi, anggaran subsidi yang dibelanjakan berbanding dengan pendapatan, sekarang ini untuk tahun 2007, subsidi yang diperuntukkan selain daripada minyak dan makanan juga termasuk subsidi pembelajaran dan kesihatan. Subsidi ini adalah merupakan sebanyak 13% daripada sumber perbelanjaan negara.

■1050

Tuan Yang di-Pertua: 13% Yang Berhormat, 13%. Terima kasih. Dato' Haji Ahmad Rusli.

Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Tuan Yang di-Pertua, kita sering diperlihatkan. Pertama ialah pendapatan negara dan juga dari segi subsidi kepada rakyat jelata di

dalam negara kita. Apakah kerajaan bercadang untuk menetapkan suatu garis panduan iaitu penetapan subsidi khusus kepada rakyat supaya dapat dipertahankan *purchasing power* dengan izin Tuan Yang di-Pertua daripada seluruh rakyat bagi memastikan kesejahteraan di atas kenaikan harga barangan yang berlaku pada masa ini. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Saya rasa saya sudah jawab tadi soalan pertama itu, *directly* berkenaan dengan soalan yang pertama tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya setuju, saya setuju. Dato' Azian tak ada pertanyaan tambahan? Dato' Wan Nordin.

Dato' Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan sedar bahawa subsidi yang diberi kepada rakyat turut juga melibatkan subsidi pengeksportan barang-barang melalui jalan raya daripada Thailand ke Singapura. Dalam erti kata yang lain ini juga subsidi yang dipanjangkan kepada pengimportan barang-barang oleh Singapura. Terima kasih.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Memang benarlah kalau kita ada kawalan harga atau harga tidak setanding dengan harga dunia, memang ada akibatnya *smuggling* dengan izin keluar negeri. Jadi dengan cara meningkatkan lagi kawalan dan pemantauan, *border control*, kita dapat mengurangkan kebocoran itu.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam.

4. **Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk memberikan bonus kepada pekerja-pekerja ladang yang kebanyakannya dimiliki oleh PNB seperti yang dilakukan oleh FELDA, FELCRA dan sebagainya.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Permodalan Nasional Berhad (PNB) melalui syarikat subsidiari perladangannya iaitu Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. menggaji sekitar 40,000 orang pekerja terdiri daripada kakitangan dan pekerja ladang untuk 130 estet dan 42 kilang pemrosesannya di seluruh negara. Ladang-ladang di bawah PNB mematuhi perjanjian bersama Malayan Agricultural Producers Association iaitu MAPA dan National Union of Plantation Workers iaitu NUPW mengenai kadar bayaran gaji dan bonus. Ladang-ladang ini membayar bonus mengikut hari sebagaimana yang dipersetujui dengan pihak kesatuan.

Bonus harian ini dibayar mengikut harga CPO dan getah semasa. Oleh kerana harga komoditi tinggi sekarang, maka bonus harian sudah mencapai RM8 sehari berbanding dengan RM1.20 sehari pada tiga tahun dahulu. Bonus ini telah dipersetujui antara *Union* dan majikan dan ia akan dikaji semula di antara kesatuan dan MAPA pada bulan hadapan. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa sekarang bonus harian ini bersamaan dengan tiga bulan gaji setahun. Pembayaran bonus dibuat berdasarkan perjanjian bersama atau *collective agreement*

yang ditandatangani antara syarikat dengan kesatuan sekerja yang antara lain mengambil kira prestasi syarikat serta individu.

Bagi pekerja ladang yang diambil secara kontrak atau sambilan dan dibayar gaji harian, pemberian bonus harga harian iaitu *daily price bonus* dilaksanakan berdasarkan kepada harga pasaran minyak sawit mentah atau harga getah pada hari berkenaan. Bayaran ini adalah tambahan kepada gaji harian tetap sedia ada yang diterima oleh pekerja ladang dan merupakan insentif bagi menggalakkan mereka meningkatkan produktiviti masing-masing.

Selain dari gaji asas dan bonus harian, ladang-ladang di bawah PNB juga mematuhi undang-undang buruh dan terma-terma perjanjian bersama MAPA dan NUPW mengenai penyediaan kemudahan perumahan percuma, elektrik dan air sama ada secara percuma atau subsidi. Mereka juga menikmati kemudahan perubatan dan pengangkutan percuma di samping caruman EPF dan SOCSO. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dato Seri Mohd. Effendi. Kemudian Dato' Gooi.

Dato Seri Mohd. Effendi bin Norwawi: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberi jawapan tadi tapi saya tidak dengar. Saya dengar jawapan mengenai bonus, gaji. Kalau kita fikirkan, sektor perladangan sekarang ini, *plantation* ialah satu sektor *anchor* negara kita dari segi pendapatan negara. Mereka yang menyumbang yang membolehkan kita menjayakan sektor yang begitu pesat pertumbuhannya ialah pekerja-pekerja ladang. Adakah kita pernah melihat dan membuat satu audit keadaan hidup mereka yang bekerja di ladang ini. Kita tahu yang mereka hidup dengan keadaan yang begitu rendah sekali kualiti hidup mereka.

Mengapakah tidak kita fikirkan dari segi untungnya yang begitu besar yang telah kita dapat daripada harga perladangan dan hasil-hasil ladang sekarang ini, mengapakah tidak kita memperuntukkan sebahagian daripada itu untuk memberi mereka taraf hidup yang lebih berpatutan? Mengapa tidak kita adakan *proper housing scheme* untuk mereka dan saya tidak dengar tadi dari segi apakah skim-skim bagi memastikan anak-anak mereka ini pergi sekolah yang bagus, mendapat pendidikan yang baik dan sebagainya untuk masa depan mereka.

Saya tidak mendapat satu gambaran yang PNB mempunyai satu perancangan yang khusus dan menyeluruh dari segi memperbaiki mutu hidup pekerja-pekerja ladang kita yang kita perlukan sangat sekarang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat yang khusus tidakkah PNB ada rancangan-rancangan untuk perkara-perkara lain selain dari bonus dan gaji.

Dato' Kong Cho Ha: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Senator Dato Seri Mohd. Effendi berkenaan dengan soalan tambahan. Sebenarnya, Sime Darby adalah sebuah syarikat perladangan di bawah GLC. Jadi Sime Darby telah pun mematuhi semua perjanjian di antara pekerja dengan majikan iaitu berkenaan dengan bonus, gaji

dan selain daripada itu telah pun memenuhi perjanjian untuk *housing* dan kemudahan-kemudahan dan kebajikan yang lain.

Jadi, dari segi CSR yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu berkenaan dengan pendidikan untuk anak-anak pekerja dan sebagainya. Sime Darby seperti syarikat-syarikat GLC di bawah Kementerian Kewangan ada...

■ 1100

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan asal Yang Berhormat sebenarnya menjurus kepada mengapa PNB tidak seolah-olah dapat menyaingi FELDA dan FELCRA dalam memberi *fact*.

Dato' Kong Cho Ha: Ya. Tuan Yang di-Pertua sebenarnya FELDA juga adalah di antara *seniortary* kepada MAPA. Jadi FELDA adalah sama dengan Sime Darby juga. Jadi semua kemudahan yang diberikan kepada pekerja itu adalah sama dengan Sime Darby. Akan tetapi FELCRA itu lain kerana pengusaha FELCRA mereka juga sebagai pemilik kepada ladang yang ada. Jadi skim FELCRA itu lain dari FELDA dan Sime Darby. Tetapi FELDA dan Sime Darby adalah sama.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Dato' Gooi.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya lebih kurang sama dengan Yang Berhormat Dato' Sri Mohd Effendi. Akan tetapi saya hendak menegaskan bahawa memandangkan perkara ini amat penting...

Tuan Yang di-Pertua: Tanya Yang Berhormat, tidak boleh tegas.

Dato' Gooi Hoe Hin: Bagi pekerja-pekerja estet dan perladangan menjadi komponen utama dari segi pendapatan dan mungkin tahun ini jumlah eksport kelapa sawit dan getah akan menjangkau lebih kurang RM60 bilion.

Jadi apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyatakan kisar sahaja daripada kolektif *agreement* sama MAPA dengan NUPW akan Kementerian Kewangan, Sime Darby, DLC berlandaskan kepada Kepimpinan Melalui Teladan. Ia merumuskan sesuatu yang di luar daripada MAPA atau NEPW supaya pekerja-pekerja yang menjadi komponen utama kepada pendapatan negara ini menikmati kekayaan yang dijanakan oleh mereka. Itu soalan saya.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin atas keprihatinan kepada semua pekerja ladang di negara kita.

Sebenarnya Sime Darby seperti semua yang menandatangani kepada perjanjian MAPA dengan NPEW, kita perlu mematuhi perjanjian. Seperti juga apa yang saya jawab tadi adalah pada bulan hadapan akan dikaji semula perjanjian itu. Itu juga di antara perjanjian di mana setiap tiga tahun kita akan mengkaji semula kemudahan, kebajikan dan sebagainya kepada pekerja-pekerja ladang. Untuk bayaran bonus, kemudahan, bayaran gaji asas dan sebagainya, Sime Darby juga bayar insentif kehadiran kerja di mana setiap pekerja kalau beliau hadir semua hari bekerja dalam satu bulan, beliau dibayar RM50 ganjaran ataupun intensif untuk sektor ladang kelapa sawit dan RM95 untuk sektor getah.

Tuan Yang di-Pertua: Tersirat di sebalik pertanyaan bertubi-tubi ini ialah tidakkah kerajaan berhasrat untuk menggalakkan GLC *to reach out beyond* kerana harga pun sudah *beyond*.

Dato' Kong Cho Ha: Pada masa sekarang saya ingat GLC juga sama seperti syarikat-syarikat yang lain. Kita memang mematuhi perjanjian MAPA. Untuk makluman Yang Berhormat, hanya 40% sektor perladangan di negara kita mematuhi perjanjian MAPA dengan NPEW, 60% syarikat ladang yang lain tidak mematuhi pun.

Dato' Sri Mohd Effendi bin Norwawi: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya tahu saya sudah tanya tadi, tetapi tidak puas hati. Pasal ini menyebabkan beberapa ratus ribu rakyat kita. Jadi ada dua masalah. Satu, kita dengar seperti Dato' Gooi Hoe Hin katakan tadi, kita punya jawapan kita kata kita ikut perjanjian. *But that is not the point* saya ingat. Kita sebagai satu badan kerajaan dan mereka mendapat keuntungan yang begitu tinggi *wind fall* dengan harga ini *oil palm and rubber* yang begitu tinggi sekarang ini. Mengapa tidak kita mencontohi sektor ladang dari segi menjaga *interest* pekerja-pekerja kita *and only 40%* yang mengikuti, *this is not on*. Kerajaan harus mengambil langkah yang lebih tegas lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidaklah boleh membenarkan Yang Berhormat menjawab ia menjadi perbincangan. Maka terkeluar. Jadi saya longgarkan peraturan mesyuarat bagi Yang Berhormat meluahkan sedikit ketidakpuasan hati. Tuan Krishnan tidak ada pertanyaan tambahan?

Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam: Tuan Yang di-Pertua, saya tengok macam dua standard, FELDA, FELCRA dan pekerja-pekerja peladang. Bonus dia kasi untuk FELCRA dan...

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi Yang Berhormat nampak macam ada *double standard*?

Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam: Ya. *Double standard*.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaannya?

Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam: Itulah pertanyaan saya, apa sebab ada dua standard?... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Kong Cho Ha: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada *double standard* sebab FELDA dan FELCRA lain. FELDA sama dengan industri perladangan yang lain tetapi FELCRA ahli mereka kebanyakannya adalah pemilik ataupun mereka adalah pemilik tanah kepada FELCRA. Jadi apa yang mereka dapat itu adalah kongsi keuntungan. *So, that is the difference*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya pernah maklumkan, saya terima kerana itulah semangatnya masa pertanyaan ini kerajaan boleh

memberi jawapan yang berhemah, yang berhelah ataupun berhak untuk tidak memberi jawapan langsung.

5. Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī minta Perdana Menteri menyatakan, mengapakah kadar jenayah dan integriti dalam negara masih lagi di paras yang membimbangkan. Adakah pelaburan pendidikan negara tidak sepadan dengan pelaksanaan untuk membangunkan insan yang seimbang setelah menerima pendidikan.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Hasan bin Malek]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat komited untuk membanteras jenayah dan memupuk nilai-nilai murni termasuk nilai integriti di kalangan rakyat. Komitmen tersebut telah ditekankan dalam Misi Nasional dan juga dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan dilaksanakan melalui dasar-dasar kerajaan termasuk bidang pendidikan.

Sebenarnya adalah tidak wajar untuk mengaitkan secara langsung prestasi jenayah dan integriti di negara pada ketika ini dengan pelaburan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan dalam membangunkan modal insan kelas pertama yang cemerlang dan seimbang dari semua sudut pembangunan diri. Ini adalah kerana faktor-faktor yang mempengaruhi kadar jenayah dan integriti tidak hanya terbatas kepada aspek pendidikan semata-mata tetapi merangkumi juga aspek lain. Umpamanya faktor-faktor peribadi seperti sikap, nilai moral dan etika individu tersebut yang juga lazimnya dibentuk oleh pengaruh keluarga dan rakan sebaya. Faktor-faktor luaran juga harus diambil kira termasuk desakan ekonomi, migrasi, dan sebagainya.

Lagipun pembangunan modal insan harus juga dilihat dalam konteks jangka masa panjang di mana manfaat sepenuhnya di mana dapat dilihat dalam generasi akan datang. Maknanya kita buat hari ini tidak dapat jawapannya pada esok pagi. Dia memerlukan masa yang agak panjang. Dengan itu kerajaan berpendapat bahawa pelaburan tersebut ada sesuatu yang penting lagi wajar dan terus akan dilaksanakan demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat dan negara pada masa akan datang.

■1110

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang sikap dibentuk oleh pendidikan. Soalan tambahan saya, adakah penumpuan dan peruntukan yang jauh lebih besar kepada Sains dan Matematik berbanding agama dan moral dalam misi pendidikan negara oleh kerajaan, telah menyumbang kepada masalah integriti dan jenayah kepada rakyat? Adakah kerajaan bercadang untuk mengubahnya?

Yang kedua, tidakkah kerajaan bercadang untuk menaikkan taraf dan meletakkan IIM sebagai badan yang bertanggungjawab secara langsung kepada Parlimen untuk membuktikan keutamaan dan integriti kepada kerajaan.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Tuan Yang di-Pertua dan juga khusus kepada Puan Hajah Mumtaz. Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz pun bersetuju bahawa sikap itu juga memainkan peranan dan kerana sikap juga pendidikan ini sendiri akan melahirkan sikap seseorang itu.

Oleh sebab itu dalam pendidikan khususnya melalui Kementerian Pelajaran, mata pelajaran Sains dan Matematik ini ditekankan oleh sebab kita berada di dalam dunia global, dalam dunia yang tanpa sempadan, yang cukup cabaran pada waktu ini. Di samping penekanan kita kepada Sains dan Matematik ini, kita juga memberi penekanan kepada soal kerohanian, soal keagamaan. Diwujudkan beberapa mata pelajaran atau Program J-QAF yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran.

Semua ini dirangkumi ke arah selain daripada yang saya sebut tadi tetapi pengkhususan kepada pendidikan, inilah yang kita tekankan untuk kita gabungkan mendapatkan ilmu dunia dan juga ilmu akhirat, dan dalam konteks supaya modal insan yang kita nak lahirkan itu benar-benar dapat kita manfaatkan untuk diri, keluarga, masyarakat dan negara. Jadi soal institusi IIM itu, belum ada lagi rancangan pihak kerajaan untuk meletakkan IIM ini bertanggungjawab terus kepada Parlimen.

Dato' Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Integriti dan kadar jenayah ada kaitan dengan faktor kelakuan rasuah. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Persekutuan menjadikan BPR suatu suruhanjaya yang bebas dan memberi kuasa dan mendakwa kes-kes rasuah. Saya juga mengalu-alukan tindakan dakwaan BPR baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Dengan pemberian kuasa baru kepada BPR untuk mempergiatkan pencegahan rasuah, apakah pembaharuan dan juga sumber-sumber tambahan akan diberikan kepada BPR? Terima kasih.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat soalan itu soalan yang cukup spesifik, kuasa-kuasa tambahan. Sebenarnya kuasa yang ada ini sudah mencukupi untuk pihak BPR bertindak dalam apa bentuk sekalipun. Yang pentingnya yang saya nak tegaskan di sini ialah dalam usaha pihak BPR untuk melaksanakan akta, undang-undang atau peraturan yang sudah sedia ada itu kita memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Tidak kiralah individu akhir-akhir ini yang menjadi cerita-cerita di akhbar dan sebagainya.

Mengenai kerjasama dari semua pihak untuk membantu pihak BPR untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Yang ada ini sudah mencukupi hanya hari ini syukur Alhamdulillah kerana pihak kerajaan memang begitu berhasrat terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, berhasrat untuk meletakkan soal *zero base* kepada soal rasuah di negara kita itu. Oleh sebab itu akhir-akhir ini jerung-jerung besar telah dilihat, bukannya dituduh, belum lagi dibawa dan belum lagi dicaj. Maknanya sudah berani untuk meletakkan mereka yang berjawatan tinggi untuk dicaj dan sebagainya dalam mahkamah.

Jadi ini menunjukkan ketelusan kita, prihatin kita dan kesungguhan pihak kerajaan untuk nak melihat daripada segi itu tadi. Oleh itu, kita mengharapkan dalam keadaan ketelusan, hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melihat ini, semua pihak memberikan kerjasama. Kalau perlu dipanggil, datang, jangan ditangguhkan lagi dan sebagainya.

Seorang Ahli: Siapa itu?

Dato' Haji Hasan bin Malek: Ya, itu jawab sendirilah siapa maksud saya. Yang pentingnya kita mesti bersama-sama sebab yang ada ini sudah mencukupi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, adakah kerajaan bercadang untuk mewajibkan rukun tetangga ditubuhkan dan menempatkan anggota PDRM tinggal di kawasan yang kadar jenayahnya tinggi? Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Tuan Ahmad itu berkisar kepada soal penubuhan rukun tetangga. Sebenarnya rukun tetangga ini pun diwujudkan bukan kerana kehendak daripada pihak kerajaan, kerajaan hendak tubuh itu dan ini. Yang pentingnya pada saya ialah hasrat keinginan daripada akar umbi bahawa di kawasan ini perlu diwujudkan rukun tetangga. Organisasinya sudah ada, jadi yang pentingnya permuafakatan kepimpinan di peringkat akar umbi itu untuk membentuk. Terutamanya di kawasan-kawasan yang mempunyai bilangan yang cukup tinggi dari segi jenayah dan sebagainya.

Sepatutnya dan amat wajar pimpinan dalam kawasan tersebut dirundingkan untuk ditubuhkan rukun tetangga. Memang sudah ada satu jabatan khusus untuk tujuan ini. Dari segi rekod jabatan ini, mempunyai satu rekod yang sungguh baik di mana rukun tetangga diwujudkan, di situlah kurangnya kadar jenayah berlaku. Jadi saya memang menggalakkan pandangan daripada Yang Berhormat Tuan Ahmad tadi untuk kita sama-sama menyarankan, menggalakkan kepimpinan kampung untuk berusaha menubuhkan rukun-rukun tetangga ini.

6. Tuan Majjol bin Mahap minta Menteri Pengangkutan menyatakan, sama ada kementerian berhasrat untuk memperluaskan penggunaan tangki NGV pada kereta-kereta di negara ini dan untuk maksud ini adakah kementerian akan menubuhkan pusat-pusat memasang tangki NGV tersebut dan memberi rebat pemilik-pemilik kereta.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Senator daripada Sabah. Kerajaan sentiasa menggalakkan pemilik-pemilik kenderaan untuk memasang dan menggunakan gas asli atau NGV disebabkan penggunaannya adalah mesra alam. Dan masa ini bengkel-bengkel yang memasang peralatan sistem NGV perlu berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan Raya atau JPJ dan juga bengkel-bengkel yang perlu mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (i) mempunyai atau woksyp yang tetap;
- (ii) mempunyai peralatan yang cukup bagi tujuan pemasangan; dan
- (iii) mendapat sijil pengesahan daripada SIRIM bagi produk 'KIT' dan juga sijil pengesahan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja ataupun dengan bengkel tetap ringkasnya JKPP untuk tangki gas.

Sehingga kini sebanyak 80 buah bengkel telah didaftarkan oleh JPJ di seluruh negara dan kerajaan tidak bertanggungjawab bagi menubuhkan pusat-pusat pemasangan NGV, tetapi

sekiranya terdapat pengusaha-pengusaha NGV yang ingin mendaftarkan syarikat mereka, boleh memohon kepada JPJ dengan syarat mereka mendapat kelulusan daripada SIRIM dan juga JKPP terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mana-mana pihak pemilik kenderaan yang telah memasang sistem NGV, mereka perlu mendapat sijil pengesahan daripada pegawai pemasangan yang berkelayakan dan perlu menghadiri pemeriksaan ujian di PUSPAKOM untuk pengesahan dan mendapat sijil kelulusan. Kenderaan-kenderaan yang telah disahkan dan lulus pemeriksaan NGV layak memohon kepada JPJ untuk mendapatkan pengurangan lesen kenderaan motor atau LKM dengan kadar seperti berikut:

- (i) 25% pengurangan LKM bagi kategori enjin gas dan juga petrol; dan
- (ii) 50% pengurangan LKM bagi kategori enjin gas sahaja.

Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Maijol bin Mahap, kemudian Dato' Kamarudin bin Ambok dan kemudian Tuan Khoo Soo Seang.

Tuan Maijol bin Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Setahu saya, penggunaan tangki NGV di negara ini belum lagi meluas. Setahu saya di Sabah dan Sarawak belum lagi bermula, tidak ada satu pun kereta yang menggunakan tangki NGV ini. Akan tetapi saya bersetuju dengan hasrat kerajaan untuk memperluaskan penggunaan NGV ini kerana sekurang-kurangnya boleh meringankan beban rakyat daripada kenaikan harga minyak ini. Kebimbangan saya ialah tentang penerimaan terhadap penggunaan NGV, kerana ini perkara baru bagi pengguna-pengguna.

■1120

Jadi saya ingin bertanya soalan tambahan saya adalah apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengubah sikap ataupun pemikiran *paradigm shift* supaya mereka ini bersedia menerima perubahan tersebut. Kedua ialah apakah kerajaan memberi latihan-latihan kepada peniaga-peniaga pemasangan NGV ini dan bukan membiarkan pihak-pihak swasta untuk membuatnya. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Saya juga Tuan Yang di-Pertua bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Senator Maijol Mahap dari Sabah bahawa untuk menukar mentaliti masyarakat Sabah ini bukanlah mudah. Akan tetapi apabila kegunaannya secara meluas dan saya percaya ada contoh-contoh yang boleh dilihat oleh rakyat di mana kepentingannya ada pada mereka saya percaya rakyat akan dapat menerima konsep ini.

Keduanya mengenai dengan soal latihan. Seperti dalam jawapan saya tadi bahawa mereka perlu mendapat sijil daripada pihak SIRIM. Maknanya mereka sudah terlatih, kalau tidak mereka tidak akan boleh memasang peralatan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sabah juga bukanlah mudah untuk membina ataupun membuat bengkel, sebab kosnya agak mahal RM1.5 juta, satu bengkel sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dato' Kamarudin bin Ambok.

Dato' Kamarudin bin Ambok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, bagaimanakah kerajaan mengawal selia tempat membuat atau memasang tangki penyimpan NGV bagi kenderaan-kenderaan agar ianya selamat untuk digunakan?

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menetapkan beberapa garis panduan. Kita mempunyai tiga perkara pertamanya 50 liter dibenarkan oleh kerajaan apabila mereka datang untuk mendaftar kepada JPJ. Keduanya 70 liter dan seterusnya 100 liter. Selepas itu apabila mereka mendaftarkan dengan JPJ maka mereka boleh memasang dan selepas pemasangan seperti jawapan saya tadi itu mereka akan pergi ke PUSPAKOM untuk memastikan bahawa kenderaan ini selamat atau tidak untuk dipakai. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Khoo Soo Seang.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, adakah natural gas itu sesuai sebagai bahan api untuk bas-bas sekolah? Ini kerana memandangkan bahawa kenaikan harga petrol dan diesel baru-baru ini telah menjadi alasan bagi pengusaha-pengusaha bas sekolah khususnya di bandar raya Johor Bahru turut menaikkan tambang bas sekolah mereka. Sehingga ada ibu bapa yang terpaksa menanggung tambang bas sebanyak RM170 bagi setiap orang anak yang bersekolah. Jadi kalau dua orang anak sudah RM300 lebih. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang menggalakkan kepada kenderaan-kenderaan terutama sekali pengangkutan awam. Oleh sebab, ini juga akan membolehkan mengurangkan bebanan rakyat kerana mereka dapat harga yang murah. Semalam saya menghadiri satu mesyuarat mengatasi soal inflasi dan perkara ini telah dibincangkan. Saya percaya kerajaan akan buat satu rumusan bagi membolehkan dan membenarkan pihak pengangkutan awam untuk menggunakan NGV. Terima kasih.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang baru dilantik.

7. **Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, tidakkah Kementerian bercadang untuk melanjutkan konsesi tol lebuh raya dari 30 tahun kepada 60 tahun supaya bayaran tol dapat dikekalkan tanpa kenaikan harga.

Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinan Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini untuk saya menjawab sekali soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Lee Sing Chooi yang

bertarikh pada 16 hari bulan; Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf, pada 17 hari bulan; Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee, pada 21 Julai; Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu, pada 23 Julai; Yang Berhormat Senator Dato' Gooi Hoe Hin, pada 23 Julai; dan akhir sekali Yang Berhormat Senator Dato' Kamarudin bin Ambok, pada 24 Julai kerana soalan-soalan yang dibangkitkan adalah berkaitan. Saya mohon.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan dan saya akan menjemput Tan Sri Jins, Dato' Lee Sing Chooi dan Tuan Zamri untuk kemukakan soalan tambahan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam sidang yang lepas saya telah mengumumkan bahawa satu kajian yang lebih terperinci akan dijalankan ke atas lebuhraya-lebuhraya dalam usaha untuk mengurangkan beban rakyat untuk membayar tol. Satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Lebuhraya Malaysia dan dianggotai oleh pegawai-pegawai kementerian dan dibantu oleh juru perunding dan firma guaman yang terkemuka di Malaysia.

Jawatankuasa ini juga mendapat bantuan dan input daripada pakar akademik daripada Universiti Teknologi Mara. Antara kajian yang sedang berjalan dan akan dijalankan oleh jawatankuasa ini adalah merangkumi aspek-aspek berikut:

- (i) kajian trafik sebenar dan unjuran trafik;
- (ii) kajian hasil pendapatan sebenar berbanding dengan pendapatan unjuran;
- (iii) kajian perbelanjaan kewangan termasuk membayar balik pinjaman oleh syarikat konsesi;
- (iv) mengkaji dengan izin, *cash flow* syarikat konsesi;
- (v) keupayaan syarikat konsesi mengekalkan kos penyelenggaraan dan membayar balik pinjaman sekiranya kadar tol dikurangkan atau dikekalkan;
- (vi) diskaun diberi kepada pengguna *SmartTag* dan pengguna tetap lebuhraya atau pengguna lebuhraya di luar waktu puncak;
- (vii) perbezaan kadar tol untuk bandar dan luar bandar; dan
- (viii) penyusunan semula klausa-klausa dalam perjanjian konsesi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawatankuasa ini telah pun selesai mengumpulkan data-data dan maklumat yang diperlukan. Pada masa sekarang jawatankuasa sedang mengadakan rundingan dengan syarikat-syarikat konsesi lebuhraya dan segala keputusan rundingan itu akan dikonsolidasikan dan saya akan mengangkat perkara ini kepada Jemaah Menteri untuk diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan tadi. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk mengambil alih semua tol di seluruh negara? Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Untuk menjawab soalan Senator Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin, untuk mengambil alih keseluruhan konsesi tol yang beroperasi sekarang yang melibatkan 22 syarikat konsesi dan melibatkan sejumlah hampir 1,350 kilometer jalan yang betul dan dengan kos pengambilan yang akan ditanggung oleh pihak kerajaan dan juga akan memberikan impak, kesan yang besar di dalam ekonomi negara. Ini kerana kebanyakan daripada syarikat ini adalah syarikat yang tersenarai dalam Bursa Saham Kuala Lumpur dan tentulah dia akan ada impak dalam kita punya market *capitalization*.

Kedua, banyak lagi syarikat ini berada dalam tanggungan hutang kepada *capital expenses* apabila konsesi ini hendak dibuat. Ini akan menyebabkan kedudukan *financial position* yang akan ditanggung oleh pihak konsesi dan untuk membuat kerajaan menanggung total liabiliti ini dengan kos operasi di depan, saya kira ini bukan satu perkara yang bijaksana yang harus diambil oleh kerajaan. Ada cara lain untuk kira mengurangkan beban rakyat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dato' Lee Sing Chooi.

Dato' Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, juga terdapat pekerja-pekerja yang gaji di bawah RM2,000 sebulan membelanjakan lebih kurang 25% hingga 30% gaji mereka ke atas minyak dan juga tol. Dengan jawatankuasa yang diwujudkan tadi itu apakah opsyen-opsyen yang akan diambil oleh kementerian.

■ 1130

Selepas perbincangan dalam jawatankuasa itu, ada opsyen menghapuskan tol-tol utama seperti *this PLUS* dan juga menurunkan tol dan adakah menggunakan subsidi kerajaan selepas mendapatkan keuntungan daripada kenaikan minyak daripada Petronas untuk membiayai sesetengah konsesi itu supaya tol itu dapat dihapuskan atau diturunkan dan juga adakah kontrak-kontrak konsesi itu boleh juga diumumkan kepada orang ramai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, secara *idealnya* lah kalau saya mohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua, dalam asas pertimbangan utama untuk kita melihat dan meneliti kajian tol ini dengan izin, kalau *on the position of the government*, daripada segi *government* punya *position, ideal situation* pertama, apa pun kajian kepada tol ini tidak akan melibatkan pampasan daripada pihak kerajaan *cause otherwise* kita turun, kita bagi pampasan *then it defeat the purpose* ya. Yang kedua, *there is no provision to give extension of time*. Maknanya kalau tempoh konsesi itu 30 tahun, dengan penurunan ini kita hendak *offset* dengan dia punya *extension of time*, tambah konsesi *because we are only transfer the problem to our*

future generation. Yang ketiga ialah, *ideally there's shouldn't be any exchange of monetary* antara pihak kerajaan dengan pihak konsesi.

Itu daripada *position*, daripada kerajaan *but the position* daripada pihak *concession*, dia ada tanggungan dia dalam tempoh 20 tahun-30 tahun yang ke hadapan.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dia ambil dan pinjam duit untuk melakukan *capital expenses* dan setiap hasil yang dia dapat, bukan semua bayar kepada pinjaman, dia kena bayar kepada operasi, dia kena bayar kepada penyelenggaraan dan dia juga kena bayar kepada dia punya *shareholder as the return of dividend* tapi *bottom-line* dia, *long term*, dia tidak ada bagi kesan kepada dia punya *bottom line* kerana dia ada tanggungan, liabiliti dan dia ada *concession agreement* dengan pihak kerajaan. *As a responsible government, we have to honor all these concession agreement. We just cannot change the parameter* dengan izin, *according to our whim and fancy. So we have to seriously look on this thing but* untuk *the stake holder*, rakyat, *if we can reduce the toll, that will be a direct benefit to the rakyat*. Jadi ini semua harus dilihat secara *holistic* dengan izin, *in totality* tapi apakah asas dia. Asas dia, pertama kita tengok apa dia punya *traffic volume* sekarang dan apa dia punya *future traffic volume based on the unjuran*. *Then*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, apa dia punya *future value* dia dan mungkin kita boleh bawa *future value* dia kepada *current value* dan kita boleh bagi dia punya diskaun dan dengan diskaun ini kita boleh *spread out* balik tanggungan ini. Jadi kita tengah tengok apakah modul ini dan manakah yang terbaik.

Itu sebab saya memerlukan masa dan Jemaah Menteri pun telah pun bersetuju untuk bagi dua bulan supaya perkara ini dapat dilihat dengan teliti dan untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, ini kajian yang bukan dibuat secara hipotesis. Dia mesti mendapat *real data* yang berlaku yang melibatkan 22 konsesi dan saya memerlukan sedikit masa dan insya-Allah dalam waktu yang terdekat dalam kajian yang dijalankan dan esok saya pun nak berunding dengan Menteri EPU ini, Tan Sri Amirsham A. Aziz dan juga dengan MK2 dan insya-Allah kita akan mendapat formula dan jalan keluar yang terbaik supaya asas pertimbangan yang saya sebut tadi dapat dipertahankan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Ir. Hj. Zamri Hj Yusuf.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada jawapan Tuan Ir. Menteri ya. Jadi melihat kepada kajian yang dibuat tadi tentang *traffic*, pendapatan dan sebagainya tentang semasa dan juga unjuran. Pertamanya memang kita mengucapkan syabas cuma kita rasa memang lambatlah baru dibuatkan kajian tapi sekurang-kurangnya *better late than never* lah, dengan izin. Cumanya kita mengharapkan apakah kementerian bercadanglah dalam memberikan fokus utama dalam kajian ini lebih kepada kepentingan melihat kebajikan rakyat itu dengan memberi fokus supaya lebih memendekkan konsesi ini berbanding dengan pengambilalihan tadi yang menteri menyebut memang itu akan menyebabkan kos yang banyak dan kita bimbang dengan 22 lebuhraya ini akan diambil alih, kita

takut jadi seperti kementerian-kementerian yang lain yang mengambil alih lebuhraya yang mungkin juga tidak menguntungkan berbanding yang untung seperti Lebuhraya Utara Selatan.

Cuma sebahagian besar telah dijawabkan oleh pihak menteri tadi cuma sebagai sedikit tambahan ialah apakah kementerian juga bercadang sekarang ini, semasa ini kerana kita dapat banyak rungutan tentang banyak *stress* dengan izin di lebuhraya kita ini, Lebuhraya Utara Selatan yang banyak sangat pembinaan, kawasan pembinaan yang had lajunya diturunkan sehingga kepada 60km bererti juga telah mengganggu keselesaan pemanduan tapi lebuhraya seperti tidak endah dan mengenakan caj yang sama seperti mana kita tidak ada gangguan di lebuhraya sedangkan *stress* yang sangat panjang, gangguan daripada Utara ke Kuala Lumpur ini tanpa ada keselesaan, jadi kita minta kalau boleh apakah kementerian ada cadangan untuk memberikan sedikit rebat kepada kurangnya keselesaan kepada pengguna pada saat ini. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Senator sama ada di atas kesulitan pengguna yang menggunakan lebuhraya yang di dalam proses dinaiktarafkan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi Lebuhraya Utara Selatan yang melibatkan kesesakan lalu lintas oleh kerana disebabkan ada gangguan pembinaan di tapak bina yang melibatkan mungkin setengah daripada permukaan jalan ditutup untuk laluan lalu lintas dan dia menyebabkan dengan izin, *traffic congestion*. Itu kesulitan sementara dan kita kira bahawa itu dalam proses nak menaiktarafkan infrastruktur yang melibatkan Lebuhraya Utara Selatan sepanjang 850km yang menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung kos naik taraf ini hampir RM950 juta dan ini bertujuan untuk nak memberikan keselesaan kepada pengguna.

Jadi kalau dalam tempoh sedikit masa ini menghadapi kesusahan dan kesesakan, nasihat saya bersabar sikit sajalah dan pada hari ini kita dimaklumkan bahawa lebuhraya ini telah pun beroperasi kepada taraf yang kita panggil dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *level service 'C'*. *Level service 'C'*, ini maknanya *traffic* berjalan lancar. Dia tak ada tersekat-sekat. Macam sekarang ini Jambatan Pulau Pinang yang sekarang ini daripada dua *lane* pergi dan balik dan kerajaan terpaksa mengeluarkan tanggungan untuk nak jadikan dia sebagai tiga *lane* pergi dan tiga *lane* balik dan dia boleh untuk membawa sejumlah *traffic* 165,000 *traffic* dalam satu hari dan tentulah akan memberikan keselesaan kepada para pengguna tapi pada masa dan saat sekarang sehingga dianya dapat disempurnakan pada tahun 2009, saya mohon maaflah *there is a massive jam*, jadi dia tak ada jalan alternatif tapi *for time being*, kita kena sabar sikit. Jadi, untuk mengadakan rebat secara *on off* ini, *one off* rebat ini saya rasa itu bukan satu keputusan yang bijaksana.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

8. Dato' Seri Mohd. Effendi bin Norwawi minta Perdana Menteri menyatakan, mengenai teras ke 5, Misi Nasional iaitu berkenaan dengan pelaksanaan. Adakah RMK-9 mencadangkan langkah-langkah baru untuk memperbaiki sistem penyampaian kerajaan untuk memastikan semua projek-projek kerajaan dilaksanakan dengan jayanya khususnya mengikut jadual dan kos yang ditetapkan dan membawa impak projek yang berkesan seperti yang disasarkan oleh kerajaan untuk rakyat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Amirsham A.Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, aspek pelaksanaan adalah amat penting dalam mencapai Misi Nasional bagi memastikan projek-projek pembangunan yang telah dirancang dapat disampaikan kepada rakyat dengan berkesan. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek dan memperbaiki sistem penyampaian kerajaan. Di antaranya termasuklah penubuhan Badan Bertindak Pelaksanaan Negara dengan izin, *National Implementation Task Force* yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi memantau pelaksanaan projek-projek berimpak besar, terpilih di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah diperkenalkan oleh Yang Berhormat Datuk Seri yang telah menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri Unit Perancang Ekonomi merupakan urus setia kepada NITF.

■1140

Selain daripada itu, pelaksanaan program dan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan juga dibuat pemantauan oleh Mesyuarat khas pemantauan projek yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara yang diadakan dari semasa ke semasa di samping Unit Penyelarasan Pelaksanaan atau ICU di bawah Jabatan Perdana Menteri terus membuat pemantauan kemajuan pelaksanaan projek dengan menggunakan Sistem Pemantauan Projek 2 atau SPP2.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari langkah-langkah yang disebutkan di atas untuk memastikan pelaksanaan projek-projek mengikut jadual dan kos yang ditetapkan dan memberi manfaat kepada kumpulan sasaran. Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan akan menggunakan pendekatan berasaskan pencapaian dengan izin, *outcome based approach* bagi perancangan pemantauan dan penilaian projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan.

Berbanding dengan mekanisme perancangan pemantauan di antara penilaian program dan projek berasaskan keluaran dengan *output based approach* yang telah digunakan sebelum ini, pendekatan berasaskan pencapaian merupakan satu mekanisme yang lebih efektif kerana pelaksanaan sesuatu program dan projek diukur berasaskan pencapaian sebenar kepada kumpulan sasaran.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjamin keberkesanan pendekatan berasaskan pencapaian, kerajaan akan terus berusaha untuk mengukuhkan keupayaan agensi pelaksanaan,

penambahbaikan sistem dan proses penyesuaian struktur organisasi di kementerian dan agensi serta memperkenalkan amalan baik pengurusan projek dan program.

Selain dari itu, sistem pemantauan projek dua atau SPP2 akan diperluaskan dan diperkukuhkan untuk mengambil kira keseluruhan perancangan pelaksanaan dan penilaian selaras dengan pendekatan berasaskan pencapaian. Dalam tempoh akhir rancangan, langkah juga akan diambil bagi meningkatkan ketulusan dan kecekapan di mana kerajaan akan menawarkan projek-projek berasaskan tender terbuka. Dengan langkah-langkah tersebut adalah menjadi harapan bahawa projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai sasaran yang ditetapkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Sri Mohd. Effendi Norwawi selepas itu saudara Rawisandran dan Profesor Datuk Dr. Ismail.

Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri, rakan saya. Saya rasa geli hati sedikit, kalau tidak saya menjawab soalan ini. Sebenar saya benar-benar ada satu *genuine interest* mengenai pelaksanaan sistem pelaksanaan. Kita tahu yang rata-rata projek kita dengar banyak projek-projek negara kita yang terbengkalai, projek-projek yang mana projek ini melebihi kos asalnya jauh daripada anggaran asalnya.

Ini mencerminkan kelemahan proses *project management* atau pengurusan projek. Kelemahan-kelemahan ini berpunca daripada kelemahan reka bentuk, kelemahan, *design*, kelemahan *Procurement System* kerana kebanyakan masalah ini berpunca daripada kita mengambil kontraktor-kontraktor yang salah, yang gagal, kelemahan dari segi sistem pemantauan yang mana *intervention* kita terlalu lambat, banyak projek-projek terbengkalai sampai bertahun-tahun sebelum ada efektif *intervention*. Juga dari segi sistem yang di sebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu sistem *outcome impact assessment* untuk memastikan projek ini benar-benar membawa manfaat yang disasarkan.

Soalan saya ialah di negara-negara maju mereka telah banyak mengatasi masalah ini dengan mengguna pakai *the latest management best practices* dari segi *project management* atau pengurusan projek. Jadi saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Menteri, kita telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan tiap-tiap kementerian kita, agensi-agensi kita akan mengguna pakai sistem-sistem yang Yang Berhormat Menteri nyatakan tadi. Terima kasih.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya nyatakan tadi, kita dari segi *procurement* kita akan gunakan cara kaedah pemilihan yang telus dan juga pemilihan dari segi syarikat-syarikat yang telah ada dia punya *track* rekod. Itu belum lagi dapat selesai, belum lagi dapat ditentukan yang projek-projek itu dapat dijalankan dengan baik. Saya juga telah menyentuh tentang *project management* atau pemantauan projek-projek melalui NITF dan juga jawatankuasa yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara untuk meneliti tiap-tiap langkah ataupun tiap-tiap bulan bagaimana *progress* projek-projek ini.

Terutama sekali sekarang ini kita tahu bahawa harga barang binaan meningkat agak tinggi, jadi pemantauan ini harus dijalankan dan telah pun dijalankan dengan secara terperinci supaya dapat kita mengetahui terlebih dahulu sebelum projek-projek ini menghadapi masalah. Jadi saya beri jaminan bahawa pemantauan supaya projek-projek ini dapat diselesaikan atau disiapkan dengan harga yang ditetapkan dan juga dengan masa yang ditetapkan akan terus dijalankan. Terima kasih.

Tuan Rawisandran a/l Narayanan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setuju kah Yang Berhormat Menteri bahawa pilihan raya yang lepas telah menampakkan kelemahan dari segi pelaksanaan projek kerajaan tidak dirasakan kesan oleh golongan berpendapatan rendah akibat sistem penyampaian yang terlalu birokratik. Terima kasih.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Memang kita akui tiap-tiap pelaksanaan projek-projek ada juga kelemahannya tetapi kelemahan-kelemahan itu telah pun dikenal pasti dan kerajaan akan menggunakan cara-cara yang telah saya sebut tadi pelaksanaan projek-projek itu akan sampai kepada sasarannya, terima kasih.

Pofesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada menteri ialah apakah status NITF sekarang ini kerana sejak kita mengadakan pilihan raya, NITF tidak pernah pun bersidang malah kalau kita lihat dari segi kekerapan persidangan NITF sebelum pilihan raya mereka hampir mengadakan perjumpaan ataupun mesyuarat sekurang-kurangnya dua kali sebulan, terima kasih.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan teruskan pemantauan melalui NITF tetapi sekarang ini kita masih lagi sibuk untuk menyiapkan dan penggulangan di Parlimen mengenai dengan Rancangan Malaysia Kesembilan kaji semula. Selepas selesai kesibukan itu kita akan mula balik dengan pemantauan melalui NITF. Saya akui memang sejak pilihan raya ini belum ada lagi perjumpaan NITF tetapi kita akan mulakan dalam tempoh segera, terima kasih.

9. Datuk Soon Tian Szu minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan kualiti dan kecekapan sektor pengangkutan awam negara serta khidmat pengangkutan sokongan antara stesen ke tempat yang hendak dituju memandangkan kepentingannya dalam meringankan beban rakyat berikutan kenaikan harga petrol dan diesel sejajar dengan hasrat kerajaan untuk melihat rakyat menukar cara hidup mereka.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Datuk Soon Tian Szu; bersama pertanyaan Ahli Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik pada 15 Julai; Ahli Yang Berhormat Dato' Wan Nordin bin Che Murat, dan Dato' Hajah Saripah Aminah pada 16 Julai; Ahli Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong dan Puan Heng Seai Kie pada 17 Julai; Ahli Yang Berhormat Ir. Hiang A Li pada 21 Julai; dan Ahli Yang Berhormat Datuk

Haji Rizuan bin Abd Hamid pada 20 Julai memandangkan kelapan-lapan pertanyaan tersebut menyentuh perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat dan saya akan beri keutamaan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mengemukakan soalan tadi untuk menanyakan soalan tambahan. Silakan Yang Berhormat.

■1150

Dato' Kong Cho Ha: Untuk makluman Yang Berhormat, bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengangkutan awam terutamanya di Lembah Klang, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Integrasi dan Penyusunan Semula Pengangkutan Awam Lembah Klang.

Lanjutan daripada itu, kerajaan menubuhkan dua anak syarikat iaitu Syarikat Prasarana Negara Berhad selaku pemilik dan pembangun aset pengangkutan awam terdiri daripada bas dan LRT. Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd atau RapidKL selaku pengendali aset-aset milik prasarana.

Kedua-dua syarikat ini mula beroperasi sepenuhnya pada permulaan tahun 2005. Di antara tindakan utama yang diambil bagi menampung permintaan tinggi daripada pengguna adalah melalui pelaksanaan perkhidmatan pengangkutan bersepadu yang lebih menyeluruh yang melibatkan penyediaan perkhidmatan bas pengantara atau *feeder buses*, bas dalam bandar ataupun *city shuttle service*, bas laluan utama ataupun *trunk bus line*.

Perkhidmatan rel bandar dan sistem satu tiket iaitu *common ticketing system*. Perolehan 1,055 bas baru oleh Prasarana Negara Berhad semenjak tahun 2006 juga dilakukan bagi menambah laluan baru dan meningkatkan kekerapan perkhidmatan sedia ada termasuk menampung laluan-laluan yang tidak ekonomik. Di samping itu, perbagai usaha juga telah dilaksanakan oleh RapidKL. Di antaranya:

- (i) pertambahan laluan iaitu daripada 142 laluan semasa RapidKL mengambil alih operasi daripada Park May dan Intrakota pada tahun 2004 kepada 166 laluan; dan
- (ii) perluasan rangkaian jalinan perkhidmatan bas dengan peningkatan sebanyak 53% iaitu daripada 638 kepada 980 taman perumahan serta penambahbaikan dari segi kualiti perkhidmatan bas melalui pertambahan kekerapan antara 15 ke 20 minit berbanding yang lebih lama sebelum ini.

Bagi memastikan sistem LRT beroperasi dengan lebih cekap, pihak prasarana telah membeli 35 tren baru yang akan diterima akhir tahun 2009. Penambahan tren-tren baru tersebut dijangka akan meningkatkan jumlah penumpang kepada 350,000 penumpang sehari berbanding jumlah semasa 160,000 penumpang sehari.

Bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan rel pula, terdapat dua projek dalam perancangan iaitu Projek Sambungan Sistem Transit Aliran Ringan atau LRT iaitu dari Stesen Sri Petaling ke USJ Puchong dan berakhir di *Putra Heights* dengan laluan sejauh 16 kilometer dan 12 stesen baru. Yang kedua ialah Projek Sambungan Sistem Transit Aliran Ringan Kelana Jaya *Line* iaitu dari Kelana Jaya ke Subang Jaya dan berakhir di *Putra Heights* dengan laluan sejauh 16 km dan 12 stesen baru.

Bagi perkhidmatan komuter pula, Keretapi Tanah Melayu Berhad pada masa ini sedang melaksanakan Program *Overhaul* 50 set EMU serta dalam proses membuka tender bagi memperoleh lapan set EMU baru. Dengan siapnya Program *Overhaul* ini secara berperingkat sehingga tahun 2009 dan dengan perolehan EMU dijangka pada tahun 2010 serta siapnya landasan berkembar di antara Sentul, Batu Caves pada tahun 2009, jumlah perjalanan serta kecekapan perkhidmatan dapat dipertingkatkan lagi dan sudah tentu akan menggalakkan masyarakat serta menukar cara hidup mereka untuk mengguna pengangkutan awam.

Dengan adanya usaha-usaha ini dari masa ke semasa, terdapat peningkatan dalam jumlah penumpang atau pengguna pengangkutan awam seperti bas, LRT dan komuter. Contohnya terdapat peningkatan sebanyak 100% dalam jumlah penumpang bas RapidKL iaitu dari 200,000 penumpang sehari pada tahun 2005 kepada seramai 393,000 penumpang sehari selepas kenaikan harga gas dan petrol pada tahun 2008. Terdapat peningkatan sebanyak 13% dalam jumlah penumpang LRT iaitu daripada seramai 288,000 orang sehari pada tahun 2005 kepada 326,000 orang sehari pada tahun 2008. Selain itu, penumpang bagi KTM Komuter juga telah turut meningkat sebanyak 7% iaitu daripada 94,000 orang penumpang sehari kepada 101,000 orang penumpang sehari.

Bagi program mengintegrasikan semula laluan mod pengangkutan awam di Lembah Klang yang merangkumi bas, LRT, monorel, KTM Komuter, dan ERL, ia merupakan satu proses berterusan dan memerlukan jangka masa yang agak panjang. Jadi, kerajaan sentiasa prihatin mengambil kira pandangan, cadangan dan perasaan pengguna atau penumpang pengangkutan awam dan akan mengambil langkah-langkah yang efektif untuk meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam. Teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Soon Tian Szu, Datuk Haji Roslan bin Awang Chik, dan Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed.

Datuk Soon Tian Szu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab dengan lengkapnya soalan saya. Di sini saya hendak tanya tentang sama ada kementerian mempunyai perancangan untuk membantu ataupun meringankan beban peneroka-peneroka di luar bandar seperti di kawasan FELCRA ataupun FELDA ataupun di kampung-kampung baru sama ada sistem pengangkutan ini dipertingkatkan untuk memberi manfaat kepada penduduk di luar bandar. Terima kasih .

Dato' Kong Cho Ha: Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang memberi soalan tambahan. Berkenaan dengan kemudahan pengangkutan awam di kawasan luar bandar di dalam Jawatankuasa Inflasi yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, ada satu jawatankuasa kecil pengangkutan awam yang telah banyak kali bermesyuarat dan dipengerusikan oleh EPU di mana mereka kaji tentang cara untuk menambahbaikkan sistem pengangkutan awam di seluruh negara.

Kita juga faham bahawa pada masa sekarang, di kawasan luar bandar memang penduduk di sana menghadapi masalah seperti budak-budak sekolah hendak pergi menghadiri tuisyen ataupun pesakit hendak pergi ke hospital dan sebagainya menghadapi masalah kerana tidak ada pengangkutan awam. Ini kerana banyak syarikat bas telah pun gulung tikar oleh sebab kenaikan kos dan penurunan bilangan penumpang dan sebagainya.

■1200

Jadi kita semua akan mengambil kira perkara-perkara ini dan LPKP juga telah pun dimaklumkan berkenaan masalah ini. Kita pada masa sekarang menggalakkan LPKP untuk memberi lesen kepada *road* individu ataupun ke satu-satu *road* di mana operator individu boleh meng *operate* satu *road* dari satu kampung ke satu pekan dan sebagainya dan kita harap langkah-langkah ini akan mengatasi masalah yang dihadapi oleh penduduk di luar bandar.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam usaha-usaha kerajaan untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan pengangkutan awam, kita mendapati bahawa khusus kepada teksi-teksi di Lembah Klang ini banyak yang agak buruk serta pemandu-pemandunya agaknya berbau tubuhnya, *air cond* nya tidak berfungsi dengan baik. Kadangkala membuka muzik dengan begitu kuat serta tempat duduk yang tidak selesa dan kenderaan kemungkinannya tidak selamat. Apakah kerajaan boleh mengatasi dalam kita menggerakkan bahawa rakyat ataupun umumnya dapat menggunakan pengangkutan awam ini.

Yang keduanya, terdapat juga pengangkutan awam seperti AirAsia dan Firefly menjalankan jadual-jadualnya tidak tepat. Ada kadangkalanya terpaksa dibatalkan tanpa diberitahu ataupun kelewatan yang agak menyusahkan penumpang-penumpang. Apakah tindakan kerajaan secara logik? Terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat kebanyakannya adalah ada berkenaan dengan sikap iaitu sikap pengusaha, pemandu teksi dan pengusaha kemudahan pengangkutan awam seperti AirAsia dan sebagainya. Jadi saya fikir kita ada syarat-syarat yang tertentu tetapi ini adalah terpulang kepada adakah syarikat itu ataupun pengusaha itu mematuhi syarat-syarat yang ada. Pada masa yang sama penumpang ataupun pelanggan perlu prihatin dan selalu memberi maklum balas ataupun *feedback* kepada syarikat dengan membuat aduan dan sebagainya supaya kita dapat mengadakan satu sistem yang lebih baik di masa hadapan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah pihak kerajaan akan menggalakkan atau mewajibkan sektor pengangkutan awam menggunakan tenaga bersih seperti NGV bagi mengurangkan harga dan pencemaran udara seperti Rapid Penang, RapidKL dan bas-bas ekspres. Apakah perancangan jangka masa panjang pihak kerajaan akan memastikan penduduk ibu kota tidak memandu ke pusat-pusat bandar. Terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kerajaan pada masa sekarang kita tidak mengehendkan siapa yang boleh guna pakai NGV untuk kenderaan. Jadi ini adalah terpulang kepada pengguna kenderaan yang nak memasang sistem NGV atau tidak. Kita juga memang faham bahawa NGV itu adalah lebih bersih dari bahan api yang lain tetapi pada masa yang sama, kita juga faham bahawa tidak semua stesen-stesen minyak itu mempunyai kemudahan NGV. Oleh kerana itu mungkin tidak banyak orang awam yang menggunakan sistem NGV. Kita juga perlu faham bahawa NGV juga di subsidi oleh kerajaan dan harga NGV kalau ikut pasaran antarabangsa adalah jauh lebih mahal daripada apa yang kita nikmati pada masa sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Masa bagi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LUAR PESISIR LABUAN (PINDAAN) 2008

Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga

12.06 tgh.

Dato' Kong Cho Ha: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon membacakan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 ataupun Akta LOFSA dibaca kali kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila huraikan.

Dato' Kong Cho Ha: Pindaan yang dicadangkan terhadap Akta LOFSA merupakan kesinambungan usaha Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan atau LOFSA dalam mengemaskinikan perundangan luar pesisir bagi menarik lebih ramai pelabur ke pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa Labuan yang dipanggil Labuan IBFC dan mempertingkatkan daya saing serta menyediakan suasana perniagaan yang kondusif. Ia juga bertujuan untuk memperkemas rangka perundangan LOFSA untuk berfungsi sebagai agensi kawal selia sehenti ataupun *one stop agency* yang mengawasi aktiviti kewangan luar pesisir Labuan IBFC.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk memperluaskan takrif-takrif agensi penguat kuasa undang-undang tempatan dan pihak berkuasa pengawalseliaan tempatan. Ini bagi membolehkan pihak LOFSA menjalin kerjasama yang lebih erat dalam menjalankan fungsi kawal seliaannya. Cadangan pindaan juga bertujuan untuk mengemaskinikan kuasa kawal seliaan LOFSA dan menyelaraskan peruntukan perahsiaan yang merangkumi maklumat berkenaan institusi luar pesisir. Ini penting untuk menimbangkan keperluan bagi melindungi maklumat peserta luar pesisir dan keperluan untuk mengawal selia dengan efektif serta untuk mengekalkan reputasi Labuan IBFC sebagai pusat kewangan antarabangsa yang berwibawa.

Dalam menghadapi suasana perniagaan dan kewangan antarabangsa yang kian rumit serta mencabar, kerjasama yang lebih erat di antara agensi-agensia pengawal seliaan adalah merupakan suatu keperluan. Untuk membolehkan kerjasama yang lebih erat ini dijalin, takrif agensi penguat kuasa undang-undang tempatan di dalam seksyen 28(A) Akta LOFSA perlu diperluaskan dari hanya meliputi pihak Polis Diraja Malaysia seperti yang ditakrifkan di dalam Akta Polis 1967.

■ 1210

Takrif yang ada kini tidak mengizinkan LOFSA untuk bekerjasama dengan penguat kuasa undang-undang selain daripada PDRM, dalam sebarang penyiasatan terhadap mana-mana institusi kewangan luar pesisir di Labuan. Dengan pindaan yang dicadangkan takrif agensi

penguat kuasa undang-undang tempatan akan dipindah untuk merangkumi agensi penguat kuasa undang-undang yang lain di Malaysia seperti Suruhanjaya Sekuriti, Badan Pencegah Rasuah, Jabatan Kastam, Jabatan Imigresen dan agensi lain yang dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan perundangan berkaitan.

Pada masa yang sama bagi membolehkan pihak LOFSA bekerjasama dengan pihak berkuasa pengawal seliaan di peringkat antarabangsa, pindaan terhadap takrif pihak berkuasa pengawal seliaan tempatan di dalam Akta LOFSA turut dicadangkan. Cadangan pindaan akan diperluaskan skop takrif tersebut bagi merangkumi pihak berkuasa atau badan-badan berkaitan yang dari dalam atau luar Malaysia dan mempunyai kuasa untuk mengawal selia operasi mana-mana Institusi Kewangan Luar Pesisir Labuan. Ini akan membolehkan pihak LOFSA memenuhi piawaian yang dituntut oleh badan pengawal seliaan antarabangsa seperti *International Monetary Fund* atau IMF dan *Financial Action Task Force* atau FATF.

Bagi menjalankan pemantauan dan pengawasan yang lebih efektif atas Institusi-Institusi Kewangan Luar Pesisir di Labuan serta membolehkan kerjasama dengan pihak berkuasa lain yang bertanggungjawab mengawal selia mana-mana pemegang lesen di negara asal Institusi Kewangan Luar Pesisir berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani kemungkinan kegagalan mana-mana Institusi Kewangan Luar Pesisir untuk mematuhi rangka Perundangan Labuan atau IBFC. Pindaan yang dicadangkan akan membolehkan LOFSA mempunyai kuasa untuk mengeluarkan arahan kepada mana-mana Institusi Kewangan Luar Pesisir yang bermasalah. Seperti arahan untuk menghalang individu tertentu dari mentadbirkan institusi tersebut atau menetapkan kelayakan khusus kepada mereka yang ingin menjadi Ahli Lembaga Pengarah atau pegawai institusi mereka.

Bagi mengekalkan tahap profesionalisme yang tinggi di kalangan Ahli Lembaga, pegawai dan kakitangan LOFSA. Pindaan yang dicadangkan akan secara lebih jelas meletakkan tanggungjawab supaya mematuhi peruntukan kerahsiaan kecuali di dalam pelaksanaan tanggungjawab atau fungsinya sebagai pegawai LOFSA atau bila dikehendaki oleh mana-mana mahkamah atau undang-undang. Ini akan menguatkan lagi penerimaan pelabur antarabangsa terhadap tahap kerahsiaan yang perlu diterima pakai oleh pegawai serta kakitangan LOFSA tanpa menjejaskan kerjasama dengan pihak pengawal selia yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, isu kerahsiaan dan pemeliharaan maklumat yang menjadi teras kekuatan Pusat Kewangan Antarabangsa seperti Labuan atau IBFC perlu diimbangkan dengan peruntukan bagi membolehkan LOFSA mempunyai akses kepada maklumat mengenai entiti dan operasi mereka di Labuan. Ini termasuklah bagi membolehkan perkongsian sebarang maklumat tentang Institusi Kewangan Luar Pesisir yang menyalahi undang-undang dengan mana-mana pihak berkuasa pengawal selia tempatan ataupun *Home Supervisory Authority* atau agensi penguat kuasa undang-undang tempatan, tertakluk kepada situasi yang dibenarkan oleh undang-undang. Cadangan-cadangan pindaan Akta LOFSA turut mengambil kira cadangan yang dibuat

oleh *Asia Pacific Group on Money Laundering* dan *Offshore Group of Banking Supervisors* berhubung dengan rangka perundangan Labuan atau IBFC dalam menangani kegiatan perubahan wang haram iaitu *Money Laundering*.

Ini merujuk kepada penggunaan standard khusus dalam memerangi perubahan wang haram serta pembiayaan keganasan bagi negara-negara di Rantau Asia Pasifik. Ini termasuk cadangan FATF atau *Forty Recommendations Against Money Laundering* dan *Nine Special Resolutions on Terrorist Financing*.

Pada keseluruhannya, cadangan pindaan-pindaan ini adalah bertujuan untuk mengemas kini rangka kerja kawal selia LOFSA terhadap semua Institusi Kewangan Luar Pesisir di Labuan. Bagi membolehkan LOFSA melaksanakan fungsi kawal selia dengan lebih berkesan lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong untuk menerima.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 dibacakan Kali Yang Kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Yang Berhormat Dato' Lee Sing Chooi.

12.17 tgh.

Dato' Lee Sing Chooi: Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua untuk membenarkan saya membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996. Pindaan yang dikemukakan itu untuk menambah baik pentadbiran dan juga pengurusan swasta iaitu *Labuan Offshore Financial Centre*.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu pindaan yang dikemukakan adalah 17(a) berkenaan dengan *the secrecy* supaya kakitangan-kakitangan, pegawai-pegawai yang menguruskan aktiviti-aktiviti ini dipastikan supaya maklumat-maklumat yang diuruskan itu tidak diberikan kepada pihak yang lain, yang tidak ada hak untuk melihat maklumat-maklumat itu.

Tindakan *the secrecy* itu selalu dibahaskan di OFC atau *Offshore Financial Centre* seperti yang selalu dibangkitkan di forum-forum antarabangsa seperti dengan izin *Financial Stability Forum* atau FSF, *The Financial Asia Task Force Money Laundering* atau FATF dan *Organization for Economic Cooperations and Development* atau OECD, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana operasi OFC termasuk Labuan ini masalah *Money Laundering* selalu dibangkitkan.

■ **1220**

Money laundering, kalau berlaku di Labuan, di dalam LOFSA ini, maka imej-imej juga keyakinan dan kepercayaan pihak-pihak institusi kewangan akan terjejas dan juga mereka tidak akan menambahkan aktiviti-aktiviti mereka di Labuan ini. Dengan adanya *secrecy* itu, macam mana kita nak seimbangkan *secrecy* dengan *exposure of money laundering*, dengan izin, ini agak bertentangan. Kalau seseorang, kalau satu pihak ada maklumat bahawa sesuatu sumber

kewangan itu adalah dari *money laundering*, macam manakah pihak ini dapat menyiasat supaya *money laundering* itu dapat diexpose, Tuan Yang di-Pertua? Adakah seksyen 17A itu menyusahkan penyiasatan yang akan dijalankan untuk mencegah *money laundering*, Tuan Yang di-Pertua, yang juga termasuk dalam pindaan 28B?

Tuan Yang di-Pertua, LOFSA di Labuan ini akan bersaing dengan IOFC yang lain di antarabangsa. Saya hendak tahu, apakah prestasi terbaru LOFSA ini dan kalau dibandingkan dengan IOFC antarabangsa yang lain, di manakah kedudukan Labuan?

Adakah kita ada di kedudukan yang baik atau yang bawah sekali atau tidak. Saya hendak tahu macam manakah *competitiveness* LOFTA ini, Tuan Yang di-Pertua? Kalau kita hendak bersaing di arena antarabangsa supaya kita dapat meningkatkan aktiviti-aktiviti perbankan, aktiviti-aktiviti *security*, aktiviti-aktiviti insurans *offshore* Tuan Yang di-Pertua, apakah kelebihan kita di Labuan itu?

Saya hendak tahu apakah kelebihan kita kalau dibandingkan dengan IOFC yang lain, yang dapat kita bersaing dengan mereka? Juga, dengan operasi LOFSA ini, dengan beberapa tahun sudah, apakah kelemahan yang kita dapat dalam sistem, apakah masalah *systemic* yang kita hadapi dan juga masalah pentadbiran, masalah sumber manusia, modal insan yang kita hadapi? Adakah pegawai-pegawai, *directors* yang kita lantik itu berkompeten atau tidak? Mereka dapat bersaing atau tidak mengeluarkan idea-idea yang kreatif dan inovatif dalam pasaran kewangan ini, dapat menarik institusi-institusi kewangan di rantau ini dan juga antarabangsa supaya mereka dapat memanfaatkan Malaysia, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak tahu prestasi LOFSA dan juga adakah kes-kes yang didapati kecuaiian dalam pengurusan LOFSA ini? Ada beberapa kes sudah dilaporkan kerana kecuaiannya, pegawai atau pihak-pihak yang ada kuasa, di mana imej LOFSA itu telah tidak berapa bagus, tidak berapa baik kerana kelakuan-kelakuan dan juga kawal selia yang tidak ketat ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan *money laundering* yang selalu dibangkitkan tadi, sebelum adanya 28B, adakah kes-kes *money laundering* dikesan dan di manakah sumber kewangan itu datang dan apakah tindakan-tindakan penguatkuasaan yang dibuat dan apakah keputusan atas kelakuan-kelakuan ini, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah yang tadi itu, saya menyokong pindaan akta ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Majjol bin Mahap.

12.27 tgh.

Tuan Majjol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya sama-sama membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Perkhidmatan Luar Pesisir Labuan 1996.

Sebagai mana yang kita tahu, Labuan adalah satu pulau yang tidak berapa kecil dan tidak berapa besar, mempunyai sejarahnya sendiri. Dulu di bawah jagaan negeri Sabah, sebahagian daripada Sabah, diserahkan kepada Persekutuan walaupun ketika itu tidak ada pampasan seperti Putrajaya yang diberi pampasan daripada Kerajaan Selangor. Akan tetapi sekarang ini, Labuan telah bermula sebagai satu pusat kewangan yang bagus, satu Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa dan kini telah melalui proses perubahan dan kepelbagaian kepada sebuah pusat perniagaan serantau yang berkembang maju. Keupayaan untuk menerima perubahan merupakan kekuatan terutama Labuan sebagai sebuah pusat perniagaan dan pembangunan.

Kedudukan strategik Pulau Labuan juga memberikan impak yang bagus kepada pulau ini. Ianya terletak di tengah rantau Asia Pasifik, mempunyai kedudukan yang strategik untuk bertindak sebagai perantara bagi pengaliran masuk dan keluar pelaburan di rantau ini.

Saya difahamkan bahawa Labuan kini sedang mengukuhkan kedudukannya sebagai pangkalan serantau bagi industri minyak dan gas, serta sebagai *entry port* ekonomi segi tiga Brunei, Sabah dan Filipina. Ia juga mempunyai pelabuhan semula jadi yang baik, dan statusnya sebagai zon dan pusat bebas cukai dapat menyokong aktiviti-aktiviti tersebut. Labuan juga dihubungkan dengan dunia melalui lapangan terbang yang moden, yang baru siap baru-baru ini dan dapat mempromosikan aktiviti pelancongan Labuan ini dan kawasan yang berdekatan.

■1230

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini adalah amat baik sekali. Saya percaya ini satu lagi langkah untuk menjamin bahawa LOFSA satu institusi yang benar di rantau ini kerana saya difahamkan dan saya faham bahawa selain daripada Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 ini, LOFSA juga bertanggungjawab untuk mentadbir akta-akta yang lain seperti:

- (i) Akta Syarikat Luar Pesisir 1990;
- (ii) Akta Syarikat Amanah Labuan 1990;
- (iii) Akta Perbankan Luar Pesisir 1990; dan
- (iv) Akta Insurans Luar Pesisir dan sebagainya.

Semuanya ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa Labuan ialah satu pulau yang boleh menarik pelabur-pelabur dari luar negara dan rantau Asia dan juga dari dunia untuk melabur dan menyalurkan wang dan pelaburan ke negara kita.

Yang Berhormat apabila membentangkan tadi telah menyatakan bahawa akta adalah bertujuan untuk menarik balik lebih ramai pelabur ke negara kita dan juga meningkatkan daya saing LOFSA sebagai satu institusi kewangan yang ulung di negara kita. Ia juga boleh mengawal selia pelaburan dan juga memberikan satu tugas yang lebih efektif lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa langkah ini adalah sebahagian daripada usaha LOFSA untuk memberikan satu rangka kerja undang-undang semasa yang meliputi

perniagaan konvensional dan juga perniagaan Islam yang kini sedang dikemaskinikan oleh LOFSA boleh mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih mudah, fleksibel, dan tidak bercanggah. Semua ini adalah di olah untuk membolehkan LOFSA sebagai satu institusi yang ulung di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong tentang pindaan seksyen 28 kerana ia boleh merangkumi lebih luas. Oleh kerana dengan pindaan ini maka LOFSA kini boleh menyiasat satu-satu kes bukan hanya berlandaskan kepada khidmat PDRM tapi juga boleh mendapatkan khidmat institusi lain di negara kita seperti BPR, Jabatan Kastam, Imigresen dan sebagainya. Ini membolehkan lebih banyak *weapons outside* ini untuk membanteras aktiviti jenayah di pesisiran.

Saya juga menyokong tentang pindaan seksyen 28 ini yang juga menggantikan takrif pihak berkuasa pengawal seliaan tempatan. Sudah tentu ia boleh memenuhi piawaian antarabangsa yang dituntut oleh institusi antarabangsa yang mana kita tertakluk kepadanya ataupun secara moralnya, perhubungan legal pun secara moralnya kita tertakluk kepadanya. Oleh itu pindaan ini adalah amat sesuai sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang maklum tadi bahawa dengan pindaan ini maka LOFSA kini boleh menjalankan usahanya untuk membanteras aktiviti *laundering* juga sepertimana dikatakan oleh sahabat saya tadi bahawa *laundering* dia satu aktiviti yang kira baru di negara kita. Yang mana Bank Negara cuba banterasnya kerana ia boleh merosakkan negara kita.

Cadangan saya di sini ialah yang pertama, LOFSA saya rasa harus memberikan pendedahan ataupun *educational* seminar, lebih banyak *workshop* ataupun seminar kepada orang ramai tentang apakah *money laundering*. Ini kerana kita selalu sebut tentang *money laundering*. Namun, apakah sebenarnya *money laundering*? Ramai orang tidak tahu. Apakah kesannya *money laundering* itu kepada kita dan kalau seorang itu disabitkan kesalahan atas kesalahan ini maka apakah tindakan atau apakah denda yang bakal diterima oleh mereka itu?

Orang memandang remah temeh tentang hal ini tetapi sebenarnya satu perkara yang serius yang harus saya ditangani dengan bijak. Jadi saya ingin mencadangkan bahawa LOFSA mengambil tindakan yang proaktif untuk memastikan bahawa peruntukan undang-undang dalam segi *laundering* ini disebar, dipaparkan, dihebahkan kepada orang ramai supaya orang faham mengenai *money laundering* ini dan juga tentang akibatnya nanti.

Yang kedua ialah walaupun LOFSA ini sudah wujud begitu lama sejak 1990, jika tidak silap saya. Walaupun aktanya lebih awal daripada itu tetapi operasinya bermula pada ketika itu, sudah lama wujud. Akan tetapi apakah *services*, dengan izin, atau perkhidmatan-perkhidmatan yang terdapat di LOFSA itu yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat Malaysia khususnya di rantau Labuan sana dan Sabah dan Sarawak yang dekat sana dan juga negara Brunei. Apakah manfaat yang boleh dinikmati, yang boleh di kecapi oleh rakyat kita di Malaysia ini?

Ini kerana kalau pengusaha-pengusaha kita *businessman* kita yang hendak gunakan *services* LOFSA ini tapi mereka tidak tahu. Maka sia-sialah LOFSA kita yang ada di Malaysia ini, yang menggunakan *services* itu akan perkhidmatan itu adalah orang luar daripada Malaysia. Memang kita galakkan orang Malaysia menggunakannya tapi maksud saya di sini ialah kita orang-orang Malaysia ini harus tahu apakah jenis perkhidmatan, kegunaan ataupun faedah-faedah LOFSA itu. Ianya supaya peniaga-peniaga kita atau mereka yang berkepentingan itu boleh menggunakan LOFSA ini sebagai satu lonjakan kepada perniagaan dia.

Contohnya saya difahamkan bahawa kalau kita gunakan alamat kita ataupun daftarkan perniagaan kita dalam LOFSA, kita boleh jimatkan cukai yang begitu tinggi sekali berbanding dengan bayaran cukai kepada '*inland revenue*'. Itu satu contoh yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat kita supaya boleh mereka meningkatkan keuntungan mereka masing-masing.

Jadi itu sahaja Tuan Yang di-Pertua hujah-hujah saya dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Puan Mumtaz.

12.39 tgh.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut sama membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 dan saya hanya beberapa soalan berkenaan dengan pindaan ini. Pertama berapakah jumlah institusi dan perbankan tempatan yang terlibat dan juga luar negara yang terlibat dengan LOFSA yang akan menerima kesan langsung akibat daripada pindaan kepada LOFSA ini?

Kedua, sejauh manakah hubungan kita dengan pemberi khidmat kewangan luar negara yang membuat hubungan dengan LOFSA ini di negara kita. Adakah dengan pindaan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan ini menjadikan Malaysia ini lebih *viable*, berdaya saing untuk turut sama memberikan khidmat yang lebih baik kepada pelabur-pelabur dari luar. Ini agar mereka ini boleh menjadikan Malaysia sebagai alternatif yang lebih baik untuk mereka labur berbanding dengan negara-negara lain yang mungkin lebih banyak mendapat suntikan pelaburan daripada negara-negara luar.

■ 1240

Ketiga, berkenaan dengan jumlah perubahan wang haram yang telah dikesan di Labuan yang mengakibatkan juga pindaan kepada akta ini, adakah telah banyak wang yang dikesan yang terlibat dengan *money laundering* di Labuan. Seterusnya, adakah pindaan dalam Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan ini akan memberikan satu penjagaan atau kawal seliaan yang lebih ketat kepada semua aktiviti perbankan Islam. Saya difahamkan untuk tahun 2006, Bank Islam telah mengalami kerugian yang agak besar akibat daripada aktiviti perkhidmatan kewangan luar pesisir. Jadi, adakah dengan pindaan ini akan memberikan satu

kawalan yang lebih luas kerana ini akan membabitkan wang pelanggan. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang bercadang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini? Tidak ada? Kalau tidak ada saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

12.41 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Dato' Lee Sing Chooi, Yang Berhormat Tuan Majjol bin Mahap dan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md Nawi yang mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang pindaan kepada Akta LOFSA.

Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Lee Sing Chooi dan juga Yang Berhormat Tuan Majjol berkenaan dengan pemindaan seksyen 17A iaitu bagaimanakah kesinambungan untuk melaporkan aktiviti *money laundering* dan seksyen 17A dapat di kekal dan bersaing dalam pusat kewangan yang lain. Labuan adalah satu-satunya pusat kewangan yang melarang penggunaan wang tunai dan akaun yang tidak bernama melalui seksyen 15, Akta Bank Luar Pesisir Labuan. Pindaan seksyen 17A ini adalah untuk berkongsi maklumat di mana maklumat itu boleh diguna pakai kalau terdapat penyelewengan atau ada kes-kes yang akan dibawa ke Kamar.

Jadi kita perlu ada keseimbangan di antara *secrecy act* dan juga apakah maklumat yang kita perlu ada. Penambahan seksyen 17A ini adalah di mana pegawai-pegawai dan Ahli-ahli Lembaga LOFSA ini perlu menyimpan rahsia berkenaan dengan maklumat yang ada serta adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk menyimpan maklumat-maklumat yang ada.

Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Dato' Lee Sing Chooi berkenaan dengan prestasi Labuan IBFC berbanding dengan pusat kewangan luar pesisir yang lain, kita juga faham bahawa pada masa sekarang bilangan syarikat yang ada di Labuan IBFC ini memang tidak sebanyak jika dibandingkan dengan pusat pesisir di negara-negara lain. Jadi, adalah sukar untuk kita hanya membandingkan jumlah syarikat luar pesisir yang ditubuhkan di Labuan dengan pusat kewangan luar pesisir yang lain kerana dari segi konsep penubuhan Labuan itu sendiri adalah berbeza. Ini kerana berbanding dengan pusat kewangan luar pesisir yang lain, Labuan memerlukan kehadiran fizikal pelabur di Labuan dan tidak hanya melalui pendaftaran syarikat *shell company* sahaja.

Sejak penubuhannya, Labuan telah berjaya memiliki *critical mass* yang perlu untuk menjalankan industri kewangan luar pesisir. Labuan juga menawarkan kesemua perkhidmatan kewangan antarabangsa yang diperlukan dan produk khususnya seperti *international holdings company* dan khidmat berteraskan kewangan Islam. Labuan kini mempunyai lebih daripada 300 syarikat kewangan antarabangsa yang menawarkan perkhidmatan konvensional dan kewangan

Islam. Ini juga termasuk 17 daripada 20 bank terkemuka di dunia yang beroperasi di Labuan. Kita juga ada 14 buah syarikat insurans yang bertaraf 'A'.

Selain daripada itu, saya juga ingin memaklumkan bahawa sebagai pusat kewangan luar pesisir, Labuan telah berjaya sebagai pusat untuk instrumen kewangan Islam. Pada masa sekarang kita juga nampak banyak aktiviti seperti Takaful, Re-Takaful dan di Labuan juga kita boleh *raise Islamic bond* iaitu Sukuk dan sebagainya.

Selain daripada itu untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan Majjol bin Mahap itu mengenai *services* yang dijalankan oleh syarikat-syarikat di Labuan IBFC adalah seperti perkhidmatan *banking, leasing*, insurans dan aktiviti-aktiviti kewangan yang lain termasuk juga berkenaan dengan sistem cukai. Di Labuan IBFC syarikat-syarikat ini boleh memilih antara dua sistem cukai yang ada iaitu cukai *income tax* yang biasa, yang digunakan untuk kita semua dan ada satu sistem yang khas untuk Labuan IBFC iaitu *Labuan Offshore Banking Authority Tax Agency* atau LOBATA. Ini adalah pilihan yang boleh dibuat oleh pihak pelabur.

Untuk makluman Yang Berhormat...

Dato' Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta penjelasan? Berkenaan dengan *tax* - cukai-cukai yang boleh digunakan ada dua pilihan tadi, di mana kita faham mereka pergi ke OFC sama ada antarabangsa ataupun Labuan ini adalah kerana cukai yang lebih rendah ataupun sesetengah itu tidak ada cukai langsung.

■1250

Kalau kita gunakan *income tax* yang serupa dengan yang di Malaysia di manakah kelebihan. Apakah faktor cukai itu, adakah cukai itu lebih rendah kalau dibandingkan dengan OFC yang lain? Di sini saya hendak tanya, terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya apa yang saya kata tadi, mereka ada dua pilihan untuk memilih cukai pendapatan biasa ataupun itu Lobata. Jadi untuk Lobata dia akan bayar cukai pendapatan 3% ataupun had RM30,000 sahaja dan kalau ia memilih untuk sistem cukai yang diguna pakai, untuk semua orang juga ada pilihan.

Tuan Majjol bin Mahap: Minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ada menerima satu usul daripada Yang Berhormat Menteri dan saya minta Yang Berhormat Menteri untuk mengemukakan usulnya.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan T. Murugiah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 2008 serta setelah selesai Ucapan Penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari esok, 16 Julai 2008”.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk sambung. Ya, Tuan Majjol Mahap.

Tuan Majjol bin Mahap: Terima kasih. Saya hanya ingin bangkitkan satu perkara iaitu mengenai dengan *tax* tadi ataupun cukai. Memang ada dua pilihan sama ada kita memilih cukai biasa ataupun cukai di bawah LOFSA, tetapi saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Setahu saya kalau pilihan itu terhad kerana bukan semua orang boleh memilih cukai di bawah LOFSA. Hanya mereka yang mempunyai akaun ataupun perniagaan di LOFSA iaitu istilahnya “*closing the account*”, dengan izin, di LOFSA. Adakah benar itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Kong Cho Ha: Untuk makluman Yang Berhormat, kerana soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat itu adalah soalan yang mungkin teknikal sedikit, mungkin nanti pegawai saya akan bagi jawapan.

Jadi untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berbahas sebentar tadi berkenaan dengan *money laundering*, pindaan khasnya pada kali ini adalah untuk menangani aktiviti-aktiviti yang menyeleweng di Labuan IOFC ini. Oleh kerana itu kita telah pun pindah 28A untuk memperluaskan badan-badan penguat kuasa dan boleh bertindak di kawasan Labuan IOFC yang pada sebelum ini hanya PDRM yang boleh bertindak, tetapi kita sekarang telah pun merangkumi badan-badan termasuk *Security Commission*, ACA, Kastam, Imigresen dan sebagainya.

Ini juga untuk kita mematuhi *Asia Pacific Group on Money Laundering* dan juga badan-badan yang lain di negara-negara yang lain supaya lebih memberi keyakinan kepada pelabur-

pelabur di Labuan IOFC ini dan oleh kerana itu pindaan yang kita buat pada kali ini adalah untuk bukan sahaja untuk mematuhi, tetapi untuk menggalak lagi banyak pelaburan kepada Labuan IOFC. Jadi berkenaan dengan soalan berapakah kes *money laundering* yang dikesan di Labuan selama ini, jawapannya adalah tidak ada. Selama ini kita tidak ada mengesan apa-apa kes *money laundering* pada masa sekarang.

Untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Hajah Mumtaz berkenaan dengan pindaan ini, adakah pindaan ini akan memberikan kesan kepada sistem perbankan Islam. Memang pada masa sekarang kita nampak Labuan IOFC telah pun sedang membangun sebagai satu pusat di mana sistem perbankan ataupun apa yang kita kata iaitu instrumen *Islamic banking* adalah giat digunakan oleh banyak pihak dan umpamanya untuk institusi kewangan antarabangsa, *raise Islamic bond* iaitu Sukuk dan juga aktiviti-aktiviti takaful dan sebagainya dan memang pindaan ini akan memberi lebih lagi keyakinan kepada pelabur-pelabur Labuan IOFC ini.

Berkenaan dengan adakah usaha LOFSA untuk mendidik masyarakat tentang *money laundering*. Jadi bagi saya ini adalah satu masalah kesedaran, *awareness* iaitu kesedaran pendidikan dan juga macam mana kita dapat mengesan *money laundering* dan ini bagi saya bukan satu sistem di mana mungkin orang awam itu senang faham tetapi pada amnya memandangkan kumpulan sasar LOFSA adalah peniaga antarabangsa. Jadi tanggungjawab untuk mendidik masyarakat tempatan bukanlah tugas utama LOFSA, namun LOFSA turut memberikan penerangan kepada penyedia perkhidmatan tempatan seperti Majlis Peguam, akauntan dan sebagainya dalam bidang itu.

Untuk menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu pindaan-pindaan yang dibuat kali ini selain daripada untuk mematuhi kehendak komuniti antarabangsa, ia juga untuk mengukuhkan keyakinan dan supaya Labuan IOFC ini boleh bertindak dengan lebih baik dan untuk masa yang akan datang akan menarik lebih pelabur kepada Labuan IOFC ini. Jadi saya ingat itu sahaja yang saya hendak jawab dan atas apa-apa perkara yang dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan terima kasih dan cadangan yang bernas itu kita akan mengambil kira untuk masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

■1300

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 15(3)

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3) mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan T. Murugiah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Memartabatkan Pusat Asasi UIAM

1.06 ptg.

Puan Mumtaz binti Md. Nawis: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ucapan penangguhan saya berkenaan dengan memartabatkan Pusat Asasi UIAM. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang ditubuhkan atas mandat negara Anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bermula dengan dua fakulti, kuliah undang-undang dan kuliah ekonomi pada 1983 dengan pengambilan 193 orang pelajar di Kampus Lembah Pantai dan Seksyen 17, Petaling Jaya, kini mempunyai 14 fakulti dengan 20,000 pelajar termasuk 3,000 pelajar luar negara daripada 90 negara.

Peranan dan sumbangan UIAM dalam dunia pendidikan umat Islam khususnya, umat sejagat amnya tidak dapat dinafikan. Oleh sebab itulah isu memartabatkan Pusat Asas UIAM dibawa ke Dewan yang mulia ini di mana penjenamaan semula Pusat Asasi UIAM bertukar nama daripada Pusat Matrikulasi UIAM mulai awal 2007 seharusnya selaras dengan mutu dan kemudahan yang ditawarkan demi untuk membangunkan minda pelajar dan kakitangan akademiknya. Pada masa ini UIAM mempunyai kampus induk di Gombak, kampus cawangan di Kuantan dan untuk kuliah perubatan farmasi dan sains bersekutu, Kampus Antarabangsa

Pemikiran Islam dan Tamadun Islam (ISTAC) di Kuala Lumpur, Institusi Pendidikan dan Pusat Asasi di Petaling Jaya dan Nilai, Negeri Sembilan.

Penempatan sebahagian pelajar Pusat Asasi UIAM ke Nilai, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan mulai sesi akademik 2007/2008 inilah yang dipersoalkan. Selama 25 tahun penubuhannya kenapakah UIAM masih tidak mempunyai kampus utama bagi Pusat Asasi UIAM yang tetap. Kini UIAM terpaksa menyewa bangunan dan rumah kedai di Kampus Satelit di Nilai, Negeri Sembilan. Berapakah sewanya sebulan? Apakah status cadangan UIAM membina kampus tetap di Janda Baik, Pahang. Pusat Asasi UIAM dijangka menerima 10,000 orang pelajar menjelang 2010. Apakah langkah yang diambil bagi mengatasi kebanjiran pelajar ini? Apakah kewajaran pemilihan Kampus Satelit di Nilai kerana ianya amat tidak sesuai dengan status universiti bertaraf antarabangsa?

Pusat ini dikatakan kehilangan pensyarah yang berkaliber disebabkan beberapa faktor termasuklah status kampus tetapnya, penghijrahan keluar pensyarah UIAM yang telah berpengalaman lima hingga enam tahun secara berterusan adalah merugikan UIAM sendiri kerana ia adalah aset ilmiah. Adalah mengejutkan bilamana skim gaji pensyarah Pusat Asasi UIAM dikatakan lebih rendah daripada skim gaji guru kerajaan, DG41. Skim gaji yang lebih kompetitif adalah perlu. Bilakah gaji terakhir semakan gaji keseluruhan pensyarah UIAM dibuat?

Mutu prasarana termasuklah kafeterianya adalah tidak sebanding dengan namanya. Kepelbagaian makanan serta harganya yang terkenal dan berpatutan pada dekad 90-an dahulu kini telah menjadi sebaliknya. Kini UIAM telah menyambut Jubli Perak pada 20 Mei 2008 dan berjaya melahirkan lebih 30,000 lulusan berwibawa. Justeru langkah proaktif perlu diambil bagi memastikan kecemerlangan UIAM dan pusat asasinya yang disayangi sebagai taman ilmu dan budi, *the garden of knowledge and virtue*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana kita mesyuarat hari ini selesai dalam keadaan yang mungkin luar biasa sedikit, saya terpaksa bagi jawapan Yang Berhormat tadi akan memerintahkan Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi untuk memberi jawapan secara bertulis.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi, hari Rabu, 16 Julai 2008.

Dewan ditangguhkan pada pukul 1.10 petang.